



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**

*Fifth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**

*Third Session*

## **KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 4549]

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 4578]**

### **USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1982 [Ruangan 4578]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG KETIGA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P., D.P., D.U.P.N., (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., (Labis).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' SERI SHARIFF AHMAD, S.S.A.P., D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J. S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN HAJI RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO' MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa (Paloh).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan  
Kemajuan Wilayah, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED  
MOHD., A.M.N., B.S.I., P.I.S. (Semerah).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN  
MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar  
Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K.,  
S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ TAN SRI DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K.  
(Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A.,  
S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota  
Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.  
(Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang  
Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWIN ESNEN UNANG (Mukah).

- Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.  
(Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.  
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.  
(Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.  
(Bagan Datoh).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. J.P.  
(Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau  
Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak  
Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang  
Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.  
(Gerik).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.  
(Nilam Puri).

- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KRUAQ, P.M.N.,  
S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFEEK BIN O.K.K. HAJI ASNEH,  
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S.,  
P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan  
Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDA, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).

Yang Berhormat DR TAN TIONG HONG (Kepong).

- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 28hb Oktober, 1981
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### PENGAJARAN AGAMA ISLAM

1. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masa yang diuntukkan kepada pengajaran Agama Islam adalah terlalu singkat dan murid-murid tidak dapat memahaminya dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian mengenai perkara ini dan sama ada Kementerian bercadang hendak menguntukkan masa yang lebih untuk pengajaran mata pelajaran ini memandangkan Agama Islam adalah agama rasmi negara ini.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan masa bagi pelajaran Agama Islam adalah sesuai bagi memenuhi kehendak kurikulum yang sedang dijalankan sekarang. Dalam pada itu peruntukan masa bagi mata pelajaran Agama Islam akan ditambah dalam kurikulum baru sekolah rendah 3M yang akan dilaksanakan di semua sekolah pada tahun 1983.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dikatakan oleh Menteri yang berkenaan masa yang telah diadakan ini sudah cukup. Tetapi apa yang kita tengok dalam akhbar hari ini pun kekurangan dalam segi matapelajaran amatlah kurang. Jadi saya ingin bertanya adakah Kementerian yang

berkenaan akan menggalakkan pelajar-pelajar khasnya yang masuk ke tingkatan membaca buku-buku karangan daripada karangan-karangan luar sebagaimana karangan-karangan luar yang saya tengok dalam akhbar *Utusan Melayu* pada hari ini membincangkan berkenaan dengan karangan Ustaz Hassan Ahmad daripada Bandung misalnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu luar daripada soalan asal.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terdapat banyak penuntut-penuntut Malaysia bergiat dengan dakwah yang bercanggah dengan ajaran Islam yang sebenarnya apabila mereka dihantar ke luar negeri. Adakah itu disebabkan kurangnya masa diberi dari segi pelajaran agama di dalam darjah semasa mereka di sekolah rendah dan juga di sekolah tinggi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu boleh.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, itu mungkin salah satu daripada sebabnya oleh kerana ada di kalangan mereka mungkin tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai Agama Islam. Oleh itu pihak Kerajaan kita hendak menitikberatkan ajaran Islam dalam sekolah-sekolah sepertimana saya sebutkan tadi. Masa untuk pelajaran Agama Islam akan ditambah di sekolah-sekolah rendah.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran sedar bahawa ada negeri-negeri di negara ini yang mana murid-murid dari sekolah *Kebangsaan* yang belajar waktu pagi dan petang pergi belajar di Sekolah-sekolah Agama. Tidakkah

ada percanggahan sistem pengajaran yang mana mereka belajar pelajaran Agama di Sekolah Kebangsaan di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran dan belajar di Sekolah Agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri yang mana tiap-tiap negeri di negara ini berbeza kurikulumnya, sukatan pelajarannya dan berbagai-bagai hal dalam pengajaran Agama Islam.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak percanggahan itu daripada segi pentadbiran sahaja tetapi yang penting adalah isi kandungan yang diajar itu.

**Tuan Azharel Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa dalam kelas begitu suntuk, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengubah pelajaran Agama Islam kepada sebelah petang pula kerana Agama Islam ini sangat luas pelajarannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Pelajaran jawab tadi tidak suntuk, cukup masa yang ada, hanya Ahli Yang Berhormat dari Kangar sahaja tidak bersetuju. Jadi soalan itu tidak payah dijawab.

**Tuan Mohd. Nakbaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi bahawa masa yang diuntukkan adalah mencukupi tetapi adakah beliau dapat menyakinkan ataupun dapat menegaskan di sini tentang pencapaian dalam soal pengetahuan dan pelajaran Islam dalam masa yang diuntukkan itu sama ada pihak Kerajaan berpuas hati tentang pencapaian pelajaran dan pengetahuan Agama Islam yang diajar di sekolah-sekolah pada masa ini. Jika sekiranya Kerajaan tidak berpuas hati, apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan di dalam pengetahuan dan kesannya kepada murid-murid.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya jawabkan tadi bahawa mengikut kehendak kurikulum yang ada sekarang iaitu masa yang diguna untuk pelajaran Agama Islam adalah mencukupi dan kita cukup berpuas hati dengan perkara ini. Walau bagaimanapun, kita suka lagi hendak menambahkan

pengetahuan tentang ajaran Agama Islam ini, oleh itu kita telah menambahkan lagi masa kepada 30 minit dalam seminggu dalam kurikulum darjah rendah pada masa-masa yang akan datang.

#### PERMIT TEKSI DI LUAR BANDAR— DASAR PENGELUARAN

**2. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah dasar Kementerian beliau dalam mengeluarkan permit-permit teksi di kawasan-kawasan luar bandar dan adakah kajian-kajian telah dibuat di satu-satu kawasan untuk menentukan kadar atau jumlah teksi yang sesuai sehingga pengeluaran permit-permit itu benar-benar boleh membantu mereka yang menceburkan diri dalam bidang tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi hasrat Kementerian saya supaya semua permit teksi yang dikeluarkan adalah selaras dengan keperluan penduduk di satu-satu kawasan. Buat masa ini taburan pengeluaran permit mengikut negeri sahaja dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dua langkah yang diambil oleh Kementerian saya untuk memastikan bahawa permit-permit teksi dikeluarkan mengikut keperluan kawasan. Langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Menghidupkan semula jawatankuasa di peringkat negeri untuk mengkaji serta mengesyorkan kepada Kementerian saya keperluan pengangkutan teksi mengikut kawasan di tiap-tiap negeri; dan
- (ii) Akan memperkenalkan sistem komputer untuk membolehkan penyimpanan maklumat yang lebih kemas dan lebih 'detail'. Dengan adanya maklumat-maklumat yang lebih detail ini adalah diharapkan pemberian permit mengikut keperluan kawasan akan dapat dilakukan.

**Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada pada masa sekarang ini kajian-kajian teliti

telah dibuat sebelum permit-permit teksi itu dikeluarkan kerana di setengah-setengah tempat macam di kawasan Baling saya lihat bahawa permit-permit itu melebihi daripada apa yang sepatutnya yang menyebabkan orang yang menerima permit itu susah pula hendak cari makan kerana kuatnya persaingan.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, bahagian yang kedua merupakan pendapat Ahli Yang Berhormat. Jawapan kepada bahagian yang pertama, ya.

### SISTEM BEKERJA SHIFT BAHAGIAN PENGUATKUASA BANDARAYA

**3. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengadakan sistem bekerja shift Bahagian Penguatkuasa Bandaraya supaya mereka juga dihendaki bertugas pada hari Ahad atau hari kelepasan Am untuk menjaga kebersihan bandaraya seperti di padang permainan, Lake Garden dan tempat-tempat perhentian bas di mana sampah-sampah didapati bersepah dan oleh kerana denda kebersihan tidak dilaksanakan sepenuhnya maka orang ramai tidak menghiraukan amaran ini. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Haji Rauf):** Tuan Yang di-Pertua, memanglah pada dasarnya anggota Unit Penguatkuasa adalah ditugaskan secara giliran (shift) untuk menjalani tugas-tugas kawalan dan penguatkuasaan Undang-undang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam tempoh 24 jam termasuklah pada hari Ahad dan Cuti Kelepasan Am.

Bagi menjaga kebersihan Bandaraya, anggota-anggota unit ini telah diarah bertugas di kawasan-kawasan tertentu seperti berikut:

- (1) dari pukul 7 pagi hingga 7 malam di sekitar Taman Tasek Perdana dan Jalan Masjid India;
- (2) pukul 6 pagi hingga 10 malam di sekitar Jalan Haji Hussein dan Jalan Raja Bot;

- (3) 12 tengah malam hingga 8 pagi di sekitar Pasar Borong, Jalan Ipoh.

Di samping itu kebersihan di padang-padang permainan dan tempat perhentian bas sentiasa diawasi oleh kakitangan-kakitangan lain seperti Merinyu-merinyu Pembersihan. Namun demikian, pentadbiran ini memang ada rancangan untuk membuat penguatkuasaan rondaan oleh anggota-anggota unit ini di sekitar tempat-tempat tersebut dari masa ke semasa bagi masa hadapan.

### UNDANG-UNDANG MENGAWAL PENGAMBILAN ALIH

**4. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kewangan menyatakan memandang terhadap penyertaan yang kian bertambah oleh orang ramai sebagai pemegang-pemegang saham dalam sektor corporate, sama ada Kerajaan sedar terdapat keperluan yang mendesak untuk mengadakan undang-undang untuk mengawal "corporate take-overs and mergers" yang kian menjadi perkara biasa di negara ini supaya dapat melindungi hak-hak sah pemegang-pemegang saham biasa apabila "take-overs and mergers" dilaksanakan, dan sekiranya ya, bilakah Kerajaan ingin mengemukakan undang-undang tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar bahawa pengambilan alih dan penyatuan syarikat-syarikat telah berlaku dengan giatnya di negara ini.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, Kerajaan telah menyaran dalam Buku Rancangan Malaysia Keempat bahawa satu tatacara mengenai ambil alih dan penyatuan akan diadakan dengan tujuan untuk mengawal ambil alih dan penyatuan di sektor syarikat dan untuk melindungi kepentingan yang sah bagi pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat yang terlibat dalam ambil alih dan penyatuan. Satu panel yang bertanggungjawab untuk melaksanakan tatacara tersebut akan ditubuhkan oleh Kerajaan. Tatacara mengenai ambil alih dan penyatuan tersebut di jangka akan dibentangkan apabila satu

Rang Undang-undang yang berkaitan dibentangkan di Parlimen kelak.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa satu Jawatankuasa akan ditubuhkan dan ia ditugaskan untuk menyiasat dan akan juga dikemukakan satu Rang Undang-undang. Memandangkan kegiatan mengambil-alih dan penyatuan syarikat-syarikat yang begitu pesat, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini agak berapa lamakah Jawatankuasa ini akan mengambil masa untuk menyiasat dan mengemukakan satu Rang Undang-undang demi kepentingan pemegang-pemegang saham biasa.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kajian untuk meminda Akta yang berkenaan sedang berjalan dan Kerajaan akan cuba untuk membentangkannya secepat mungkin.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Speaker, dengan izin. I would like to know from the Deputy Minister of Finance whether such legislation, if introduced, will prevent the take-overs and the mergers from the foreigners; and if so how far it affects the foreign investment climate in our country.

**Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta tersebut tidak akan menjejaskan investment climate dalam negara kita tetapi sebaliknya ia akan merupakan satu langkah bagi kita menjamin kepentingan pemegang-pemegang saham di dalam syarikat-syarikat yang berkenaan di samping memastikan bahawa dasar-dasar Kerajaan khususnya Dasar Ekonomi Baru tercapai.

#### PENGGANAS KOMUNIS DI SEMPADAN MALAYSIA—THAI

**5. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada terdapat tanda-tanda yang menunjukkan pihak komunis sedang bekerjasama dengan orang-orang Islam Thai di sempadan Thailand Malaysia dan dengan demikian menjejaskan perhubungan di antara kedua-dua negeri, jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menghadapi perkara ini.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada tanda-tanda yang jelas yang menunjukkan bahawa penduduk Islam Thai sedang bekerjasama dengan Pengganas Komunis di Sempadan Malaysia/Thai.

Hubungan di antara Malaysia dengan Thailand pada masa ini adalah baik dan memuaskan. Kedua-dua belah pihak bekerjasama rapat di bawah Perjanjian Am Sempadan (General Border Agreement).

#### KOMPLEKS MENGERING PADI/ KILANG BERAS

**6. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) bercadang hendak menambah lagi kompleks mengering padi dan kilang beras di negara ini, jika ada di mana hendak didirikan, dan berapa bilangannya serta bila hendak dimulakan.

**Tuan Hussein bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, LPN memang telah merancang untuk menambah lagi bilangan kompleks mengering padi dan kilang beras yang ada pada masa ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keempat LPN akan membina 11 buah kompleks integrated (mengering dan mengilang), iaitu:

- (i) sebuah di Kuala Perlis, Perlis yang akan mula dibina pada akhir tahun ini.
- (ii) Dua buah di Kedah iaitu sebuah di Tunjang yang akan mula dibina pada akhir tahun ini, dan sebuah lagi di Pekula, Tikam Batu yang akan mula dibina pada pertengahan tahun 1982.
- (iii) Sebuah di Seberang Prai Tengah, Seberang Prai/Pulau Pinang yang akan dimulakan pembinaannya pada pertengahan tahun 1982.
- (iv) Dua buah di Perak iaitu sebuah di Krian yang akan mula dibina pada pertengahan tahun 1982 dan sebuah lagi di Seberang Perak/FELCRA.

Perak yang akan dimulakan pembinaannya juga pada pertengahan tahun 1982.

- (v) Dua buah di Selangor iaitu sebuah di Sungai Panjang, Sabak Bernam yang akan dibina pada pertengahan tahun 1982 dan sebuah lagi di Sabak Bernam juga yang akan mula dibina pada masa yang sama.
- (vi) Dua buah di Kelantan iaitu di Kota Bharu yang akan mula dibina pada akhir tahun 1982 dan sebuah lagi di Pasir Mas yang akan dimulakan pembinaannya juga pada akhir tahun 1982.
- (vii) Sebuah di Endau-Rompin, Pahang yang akan mula dibina pada awal tahun 1983.

Bagi masa-masa akan datang LPN sedang merancang untuk membina pusat-pusat mengering padi yang sederhana, supaya LPN dapat memberi perkhidmatan yang lebih meluas kepada petani-petani di dalam sesuatu kawasan dan dapat mengelakkan petani-petani membawa padi terlalu jauh ke mana-mana kompleks LPN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dr Chen Man Hin.

**Dr Chen Man Hin:** Tuan Speaker, soalan ke 7.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini sebenarnya sebelum saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, saya hampir hendak tolak soalan ini supaya dijawab dengan bertulis di bawah Peraturan Mesyuarat 22 (3) kerana berkehendakkan jawapan yang panjang dan terbahagi kepada beberapa kategori, tetapi kali ini saya luluskan.

#### TANAH YANG DIMILIKI OLEH PETANI

**7. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian memberi angka-angka berikut:

- (a) Penanaman padi; jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh petani sendiri dan jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh tuan-tuanpunya yang tidak mengerjakan tanah sendiri (absentee landlords),

- (b) Getah dan kelapa sawit; jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil dan ladang-ladang;

- (c) Kebun-kebun buah-buahan: jumlah ekar tanah yang diusahakan sendiri oleh tuan-tuanpunya dan jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh tuan-tuan tanah yang tidak mengerjakan tanah sendiri;

dan sama ada terdapat apa-apa dasar untuk mendaftar orang-orang yang tidak bertanah serta memberikan tanah kepada orang-orang yang mengerjakan tanah.

**Timbaian Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, adalah dianggarkan bahawa keluasan tanaman padi dan kebun buah-buahan dusun di Semenanjung Malaysia mengikut jenis hakmilik tanah adalah seperti berikut:

- (a) Penanaman padi: seluas 181,722 hektar adalah diusahakan dan dimiliki oleh petani sendiri dan 138,965 hektar adalah disewa oleh petani atau dimiliki oleh tuan-tuanpunya yang tidak mengerjakan tanah sendiri.

- (b) Getah dan kelapa sawit, keluasan tanaman getah yang di bawah estet adalah 508,100 hektar dan 1,195,000 hektar getah adalah di bawah kebun-kebun kecil termasuk skim-skim tanah seperti FELDA dan FELCRA.

- (c) Dusun kebun buah-buahan: seluas 78,654 hektar adalah tanah yang diusahakan sendiri oleh tuan-tuanpunya dan 2,545 hektar adalah disewa oleh petani sendiri.

Kementerian Pertanian tidak ada dasar untuk mendaftar orang-orang yang tidak ada bertanah dan tugas memberi tanah adalah terletak di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan tidak mempunyai satu dasar untuk mendaftar orang-orang yang tidak bertanah oleh kerana masalah ini adalah masalah Negeri, tidakkah pihak Kerajaan Pusat memikirkan bahawa sudah tiba masanya untuk berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Kerajaan-kerajaan

Negeri bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memberi tanah kepada orang-orang yang tidak bertanah dengan tujuan untuk memberikan tanah itu supaya ia diusahakan untuk mendapat pendapatan yang lebih lumayan daripada sekarang?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana yang saya tahu tidak ada perhubungan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dalam hal ini.

#### GERAN DARI NEGERI ASING UNTUK PROJEK BESAR

**8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan setakat hari ini berapa banyak wang dari sumber negeri yang diterima secara grant/tunai untuk melaksanakan projek-projek besar-besaran seperti lebuhraya-lebuhraya dan lain-lain.

**Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini mengikut rekod tidak menerima sebarang peruntukan kewangan secara geran ataupun tunai dari sumber negeri asing untuk melaksanakan projek-projek besar seperti lebuhraya dan lain-lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan V. David.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini ialah atas nama Yang Berhormat dari Keluang.

#### LANTIKAN HAKIM NEGARA BAGI PEMECAHAN KAWASAN NEGERI— PARLIMEN

**9. Tuan Lee Kaw (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau akan menimbang untuk melantik Hakim Negara mengetuai Pesuruhjaya Pilihanraya bagi pemecahan semula kawasan-kawasan Negeri dan Parlimen bagi menjamin keadilan dijalankan kepada semua dan menjamin pemberian kawasan yang adil.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan kita kuasa untuk mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri adalah terletak kepada Suruhanjaya Pilihanraya dan adalah didapati tanggungjawab ini telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dengan adil dan saksama. Seperti semua pihak sedia maklum, Suruhanjaya Pilihanraya ialah sebuah badan yang bebas dan berkecuali. Oleh yang demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak bercadang hendak melantik Hakim Negara untuk mengetahui Suruhanjaya Pilihanraya bagi kerja-kerja mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya Parlimen dan Negeri.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun kerja-kerja Suruhanjaya Pilihanraya atas kajian semula bahagian-bahagian Kawasan-kawasan Parlimen dan State Assembly sedang dijalankan, Menteri-menteri Kanan Kerajaan beberapa kali ada membuat pengumuman mengenai beberapa kerusi Parlimen atau kerusi Negeri akan ditambah di beberapa negeri dan bukannya ini merupakan satu pengaruh yang tidak patut terhadap kebebasan Suruhanjaya Pilihanraya untuk menjalankan tugasnya untuk mengulangkaji semula bahagian-bahagian dan apakah tindakan pihak Kerajaan akan ambil untuk memastikan bahawa Menteri-menteri Kanan Kerajaan tidak akan cuba mempengaruhi Suruhanjaya Pilihanraya dalam perkara ini?

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ini mungkin pandangan sahaja dan saya tidak fikir pandangan-pandangan seperti itu boleh dan telah mempengaruhi Suruhanjaya Pilihanraya di dalam menjalankan tugas-tugasnya.

#### CUKAI ATAS FAEDAH DARI SIMPANAN TETAP

**10. Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan akan meminda dasarnya dalam mengenakan cukai ke atas faedah yang didapati dari simpanan tetap dan simpanan

semasa di bank-bank perdagangan di Malaysia agar lebih ramai lagi rakyat akan tertarik untuk menyimpan wang mereka di Malaysia dan tidak di luar negeri di mana mereka tidak dikenakan cukai ke atas faedah yang didapati dari akaun simpanan mereka.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak):** Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat sedia maklum, mulai tahun asas 1981 cukai tidak lagi dikenakan ke atas faedah yang didapati dari simpanan tetap atau simpanan masa untuk perseorangan di bank-bank perdagangan di Malaysia dengan tidak ada apa-apa had atas jumlah simpanan itu jika sekiranya tempoh kematangan simpanan itu melebihi 12 bulan. Adalah diharap langkah ini yang baru diumumkan dalam ucapan Belanjawan 1982 dapat menggalakkan penyimpanan wang di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan No. 11 Yang Berhormat Tuan Oo Gin Sun sekarang dalam cuti. Baik, sekarang saya tidak kemukakan.

### RESIDENT PATHOLOGIST DI HOSPITAL BESAR SEREMBAN

**12. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tidak terdapat seorang pathologist di Hospital Besar Seremban untuk beberapa tahun untuk menjalankan "post-mortem" dan ini telah menyebabkan terlalu banyak kelewatan dan kesusahan kepada sanak saudara si mending yang terpaksa menunggu beberapa hari untuk menuntut mayat;
- (b) berapa banyakkah hospital-hospital utama yang tidak mempunyai "resident pathologist"; dan
- (c) sama ada doktor-doktor diberi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang "pathology" dan jika ya, nyatakan bilangan biasiswa yang diberi.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Saya sedar bahawa Hospital Besar Seremban tidak mempunyai "Resident

Pathologist" untuk beberapa tahun. Ini adalah disebabkan oleh kekurangan pakar-pakar dalam bidang itu. Bagi kebanyakan kes-kes yang memerlukan pemeriksaan "post-mortem", saudaramara si mati tidaklah menunggu terlalu lama untuk menuntut mayat oleh sebab pemeriksaan "post-mortem" biasanya dilakukan oleh Pegawai Perubatan di semua hospital dalam tempoh 24 jam dan seterusnya mayat diserahkan dengan serta-merta kepada saudaramara si mati. Walau bagaimanapun, dalam kes-kes medical-legal yang rumit yang memerlukan perkhidmatan Pathologist, seorang Pakar Pathologist dari Kuala Lumpur atau Johor Bahru adalah sedia kedapatan. Dalam keadaan tersebut terdapat sedikit kelewatan oleh sebab Pathologist ini terpaksa berangkat dari stationnya ke Hospital Besar Seremban untuk melakukan post-mortem.

- (b) Pada setakat ini 5 buah Hospital Besar tidak mempunyai Resident Pathologist.
- (c) Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa sejak tahun 1976 sebanyak 6 biasiswa telah ditawarkan untuk Pelajaran Post Graduate dalam bidang Pathology, tetapi hanya 5 orang sahaja telah menerima tawaran tersebut. Pada masa ini terdapat 3 orang doktor sedang mengikuti kursus ijazah lanjutan dalam bidang "Pathology". Pada tahun 1981 seorang Pathologist telah lulus dari Universiti Malaya dan seorang lagi dari United Kingdom dan terus berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Seorang daripada mereka telah pada masa ini dihantar ke Amerika Syarikat untuk mengikuti kursus lanjutan kepakaran sementara itu, seorang Pathologist dari Burma telah ditempatkan di Sarawak dan 3 orang Pathologist lagi sedang dalam proses pengambilan dari luar negeri.

**Dr Chen Min Hin:** Tuan Speaker, saya berasa sangat kesal oleh sebab negara sangat kurang pakar pathologist, satu profesion yang sangat penting oleh sebab sekarang ini kita ada banyak kematian sebabnya sangat susah

difahami. Oleh sebab itu, saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bolehkah memberi lebih scholarship kepada doktor-doktor muda pergi ke luar negeri jadi pathologist balik ke negara ini untuk berkhidmat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah jawab tadi 6 biasiswa ditawarkan, 5 sahaja yang mengambil.

**Dr Chen Man Hin:** Sangat kurang.

**Tuan Yang di-Pertua:** 6 ditawarkan pun tidak penuh. Kurang, apa yang kurang? Yang Berhormat dari Petaling.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa ada 5 buah hospital di mana tidak ada pathologist. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri namakan apa-apa hospital ini dan untuk berapa lama tempoh sudah tidak ada pathologist?

**Dato' K. Pathamanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menjawab soalan ini tetapi saya ingin jelaskan satu dalam perkara ini. Kementerian memang setuju bahawa pathologist ini adalah penting dan kerana itulah kita pada masa ini menguruskan untuk pengambilan beberapa orang pathologist daripada luar negeri kerana mudamudi kita dalam bidang doktor itu tidak begitu berminat dalam bidang pathology untuk mengambil scholarship yang ditawarkan.

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Yang di-Pertua, setahu saya dan jika saya tidak salah, post-mortem yang telah dijalankan di Telok Anson adalah dilakukan oleh doktor biasa sahaja yang bukan pathologist. Adakah semestinya post-mortem itu dijalankan oleh seorang pakar seperti pathologist dan sekiranya ya, adakah ini bermakna doktor biasa yang telah menjalankan post-mortem itu telah menjalankan satu pembedahan yang salah.

**Dato' K. Pathamanaban:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya tahu seorang pegawai perubatan yang biasa boleh juga menjalankan post-mortem, tetapi dalam kes-kes yang lebih rumit, khususnya yang mempunyai akibat legal implication, saya rasa

Kementerian sentiasa menggunakan pathologist yang penuh dilatih dengan ijazah pathologist. Saya tak pernah mendengar pathologist menjalan kerjanya dengan kurang cekap—belum pernah saya dengar.

### KOLEJ LATIHAN PERGURUAN DI KENINGAU

**13. Datuk Stephen Robert Evans** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) bilakah Kementerian beliau akan memanggil tender bagi pembinaan kolej latihan perguruan yang dicadangkan itu di Keningau oleh kerana tapaknya telahpun disediakan dan boleh digunakan; dan

(b) sama ada terlampau banyak halangan (red-tape) menjadi sebab kelewatannya.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a) tender bagi pembinaan kolej latihan tersebut di Keningau telah ditutup pada 7hb September, 1981 dan sekarang ini tender-tender yang telah diterima itu sedang diproses dan dibuatkan penilaian ke atasnya oleh Jabatan Kerjaya Sabah.

Untuk menjawab (b) tidak ada red-tape yang menyebabkan kelewatan memanggil tender. Kementerian hanya terpaksa memastikan sebelum tender dipelawa, semua keperluan-keperluan sebuah Kolej Latihan Perguruan yang up-to-date dalam pelan dan penentuan dimasukkan dalam tender.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Damansara.

**Tuan Fung Ket Wing:** Tuan Yang di-Pertua, soalan 14.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal ini sekarang ialah atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sandakan.

### LAPORAN KETUA ODIT NEGARA

**14. Tuan Fung Ket Wing (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengambil tindakan tatatertib yang sewajarnya terhadap jabatan-jabatan yang didedahkan oleh

Laporan Ketua Odit Negara sebagai telah menyalahgunakan wang; tindakan apakah yang akan diambil oleh beliau.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):**

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah sentiasa memandang berat mengenai perbuatan menyalahgunakan wang Kerajaan oleh Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan seperti yang dinyatakan dalam Laporan Odit Negara. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Laporan Ketua Odit Negara mengenai kira-kira Kerajaan Persekutuan adalah tertakluk kepada pemeriksaan lanjut oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Jawatankuasa tersebut akan mendapatkan keterangan-keterangan daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan atas tindakan-tindakan yang telah mereka ambil untuk menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Odit Negara ini. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan tersebut, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan membuat perakuan-perakuan yang sewajarnya kelak.

Kerajaan akan mengkaji perakuan-perakuan Jawatankuasa tersebut dan di mana perlu akan menentukan supaya tindakan tatatertib termasuk sercaj mengikut peruntukan di bawah Seksyen 18 Akta Kewangan 1957 diambil terhadap pegawai-pegawai yang terlibat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan atas perkara tugas Jawatankuasa Kira-kira Wang

Negara yang belum dilaporkan tak boleh disoal mengikut Peraturan Mesyuarat.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 15.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini atas nama Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

**SUBSIDI KEPADA NELAYAN**

**15. Tuan P. Patto** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah Pukat tunda diperkenalkan dan jumlah nelayan yang terlibat dalam penangkapan ikan secara tradisi sebelum diperkenalkan cara pukat ini dan nyatakan pecahan angka subsidi tahunan yang telah diberi dalam mata wang tunai/alat-alat kelengkapan menangkap ikan kepada penangkap ikan (inshore fishermen) sejak tahun 1974.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua,

1. Pukat tunda mula diperkenalkan di Malaysia pada tahun 1965.
2. Jumlah nelayan-nelayan yang mengusahakan alat-alat tradisional sebelum tahun 1965 iaitu sebelum Pukat Tunda diperkenalkan ialah 68,188 orang.
3. Bilangan dan nilai alat-alat subsidi yang telah diberikan kepada nelayan-nelayan sejak tahun 1974 adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Alat				Jumlah Nilai
	Injin dalam	Injin Sangkut	Pukat	Peti Ikan	
1974 .. .. .	66	93	370	—	\$ 334,530.84
1975 .. .. .	67	90	484	—	388,386.40
1976 .. .. .	100	163	928	—	979,626.77
1977 .. .. .	848	783	2,663	—	11,525,888.15
1978 .. .. .	357	1,531	2,871	—	6,535,292.30
1979 .. .. .	459	2,498	3,683	259	10,276,925.21
1980 .. .. .	638	868	1,340	681	8,251,444.76
<b>JUMLAH</b> ..	<b>2,535</b>	<b>6,026</b>	<b>12,339</b>	<b>940</b>	<b>\$38,297,094.43</b>

**Tuan Abdul Sbukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pertanian bercadang hendak menambahkan lagi bilangan lesen pukut tunda ini kepada nelayan-nelayan yang memohon lesen tersebut.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada cadangan untuk menambah bilangan lesen tersebut.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Bangun!

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak apa lagi?

**Tuan Abdul Sbukur bin Haji Siraj:** Pertanyaan satu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan satu lagi! Yang Berhormat dari Panti dahulu.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri menerangkan begitu banyak subsidi telah diberi kepada nelayan seperti enjin dalam, enjin sangkut dan pukut tunda dan sebagainya. Adakah beliau bercadang hendak mengubah dasar iaitu selama ini jika nelayan itu ada pukut diberi enjin, kalau sudah ada enjin diberi bot sedangkan seorang nelayan itu berkehendakkan semuanya sekali. Jadi, soalan saya dapatkah beliau mengubah dasar itu iaitu kalau nelayan yang benar-benar memerlukan jangan beri dia enjin sahaja atau pukut sahaja tetapi beri enjin, pukut dan bot sekali untuk menolong.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan akan dibuat.

**Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini mempunyai rekod bahawa pukut-pukut tunda yang berlesen ini pernah mengganggu dan merosakkan alat-alat nelayan kecil yang ada di pantai negara kita.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, rekodnya susah saya hendak terangkan berapa pukut dan bot-bot.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bertanya ada rekod atau tidak, bukan bertanya berapa.

### HEAVY INDUSTRIES CORPORATION OF MALAYSIA (HICOM)

16. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang dicapai dalam enam buah perindustrian (asas) berat yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat dengan memberikan jumlah modal yang terlibat, lokasi, besarnya dan tarikh operasi setiap enam perindustrian yang tersebut.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukacita saya maklumkan bahawa sebenarnya hanya 4 buah projek perindustrian berat telah disebutkan di dalam buku Rancangan Malaysia Keempat sebagai projek-projek yang akan dilancarkan oleh Heavy Industries Corporation of Malaysia Berhad (HICOM) di samping beberapa projek lagi sedang dalam kajian. Keempat-empat projek itu ialah:

- (i) Projek Sponge Iron;
- (ii) Projek Sponges Iron dan Billet;
- (iii) Projek Cold Rolling Steel Mill; dan
- (iv) Projek Kilang Simen.

Jumlah modal yang terlibat, lokasi, besarnya dan tarikh operasi setiap projek adalah seperti berikut:

#### (a) *Projek Sponge Iron*

Projek ini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan akan ditempatkan di kawasan Perindustrian Ranca-ranca, Labuan. Jumlah kos projek adalah sebanyak \$477 juta. Keupayaan pengeluaran kilang tersebut adalah 660,000 tan sponge iron setahun.

Kilang ini dijadual akan memulakan pengeluaran pada tahun 1984. Pilihan pemborong bagi projek ini telahpun dibuat dan perlaksanaannya akan bermula tidak lama lagi. HICOM telah dijemput untuk mengambil bahagian ekuiti dalam projek ini dan juga projek

methonal dan power plant sebagai satu syarikat yang disatukan. Pihak HICOM sedang mengkaji perkara ini sebelum membuat keputusan.

*(b) Projek Sponge Iron dan Billet*

Projek ini akan ditempatkan di Telok Kalong, Negeri Terengganu kerana loji sponge iron memerlukan gas asli dalam proses pengeluarannya. Sebahagian besar daripada ekuiti projek ini akan dipegang oleh HICOM. Keupayaan pengeluaran loji adalah 600,000 tan sponge iron setahun dan pengeluaran loji billet dirancangkan 550,000 tan setahun. Kilang ini dijadual akan memulakan pengeluaran pada akhir tahun 1984. Pada peringkat ini tender ini masih dalam pertimbangan dan oleh yang demikian harga projek ini tidaklah patut diumumkan lagi.

*(c) Projek Cold Rolling Steel Mill*

Projek ini juga akan ditempatkan di Telok Kalong, Terengganu berhampiran dengan projek Sponge Iron dan Billet. Keupayaan pengeluaran yang dirancangkan bagi kilang tersebut belum dapat dipastikan lagi kerana ini akan bergantung kepada pilihan yang akan dibuat mengenai jenis-jenis pengeluaran yang optima baginya. Kajian kemungkinan permulaan sedang dijalankan. Kilang ini akan dapat dimulakan pengeluaran kira-kira tiga tahun selepas keputusan diambil untuk menjalankannya.

*(d) Projek Kilang Simen*

Projek ini merupakan projek yang pertama sekali dilaksanakan, iaitu melalui penubuhan syarikat Kedah Cement Sdn. Bhd. yang dimodali sebanyak 40% oleh HICOM. Kilangnya akan ditempatkan di Pulau Langkawi. Keupayaan pengeluaran kilang tersebut adalah 1.2 juta tan setahun iaitu 600,000 tan untuk pengeluaran simen dan 600,000 tan lagi dalam bentuk clinker. Kilang ini dijadual akan memulakan pengeluaran pada akhir tahun 1984. Sekarang

projek ini dalam peringkat menyediakan tapak.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini penubuhan HICOM yang akan bertanggungjawab dalam melaksanakan perindustrian berat dan pegawai-pegawai kanan yang akan bertanggungjawab dalam HICOM.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun mengadakan penubuhan syarikat ini dan pegawai kita telahpun mengadakan beberapa yang perlu dahulu dan buat masa sekarang ini Pengerusi MIDA akan mengendalikan atau mengawasi HICOM sebelum ditetapkan siapa yang betul-betul mengetuai ataupun menguruskan perjalanan HICOM ini.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri akan salah satu projek industri berat iaitu kilang simen, bolehkah beliau memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa bila kilang ini dibuat nanti harga simen menjadi lebih murah dan orang ramai boleh dapat menikmati projek perumahan yang lebih murah daripada keadaan sekarang di mana perumahan-perumahan begitu mahal akibat kekurangan simen.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, ini terpaksa kita akan mengkaji apabila sampai masa pengeluarannya pada tahun 1984. Kita berharap dengan adanya simen kita yang begitu banyak pengeluarannya di sini, mungkin harga simen tidak begitu naik, tetapi ini tertakluk kepada harga-harga cost of production, harga electricity, harga bahan-bahan yang diimport juga harga clinkers yang mungkin diperlukan sebagai bahan untuk membuat simen ini.

## PENDATANG HARAM—MENCEGAH

17. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

*(a) berapa ramaikah pendatang haram yang masih berada dalam negara ini sehingga 30-9-1981 dan apakah*

tindakan yang telah diambil ke atas mereka; dan

- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk memperkuatkan unit penguatkuasa jabatan berkaitan supaya lebih berkesan dalam mencegah pendatang haram.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Suka saya menjelaskan bahawa dasar Kerajaan terhadap sesiapa saja yang memasuki negara ini tanpa izin adalah dianggap sebagai pendatang haram baik dari mana-mana negara sekalipun mereka datang. Ini termasuklah dari Vietnam, Kampuchea, Thailand, Indonesia dan lain-lain lagi. Oleh yang demikian, sebagai pendatang haram mereka tidaklah akan dibenarkan tinggal di negara ini, selain daripada mereka yang datang dari Vietnam yang sekarang berjumlah lebih kurang 20,000 orang yang masih tinggal. Kerajaan tidak mempunyai angka-angka pendatang haram yang lain. Walau bagaimanapun, bilangan yang telah diusir keluar sejak 1978 hingga Ogos, 1981 ialah seramai 8,212 orang.

- (b) Sebagai langkah memperkuat lagi kawalan ke atas kemasukan pendatang haram, Unit Penguatkuasa Jabatan Imigresen akan diperbesarkan lagi. Unit tersebut yang pada mulanya hanya mempunyai seramai 18 orang pegawai dalam tahun 1974 kini telah ditambah menjadi seramai 143 orang. Selain dari itu kesemua pihak berkenaan lain seperti Polis dan Tentera Laut di-Raja juga sentiasa mengawasi keadaan tujuan mencegah kemasukan pendatang haram.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa selain daripada pendatang haram dari Vietnam, beliau ada menyatakan bahawa Kementerian yang berkenaan tidak ada angka-angka yang berkenaan. Suka saya mendapat tahu, mengapakah pihak Kementerian ataupun Jabatan Imigresen yang berkenaan tidak

dapat memberi angka-angka berkenaan hal itu.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, sebabnya ialah bahawa mereka ini pendatang haram, jadi oleh sebab haram, kita tidak tahu, sebab tidak tahu, kerana tidak melalui saluran biasa, juga kita tidak ada angka ini.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapannya tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada menyatakan bahawa masih ada 20,000 orang pendatang haram Vietnam di Malaysia pada masa ini. Soalan saya, ialah, saya hendak tahu sudah berapa lama pendatang haram yang 20,000 orang ini berada di sini dan apakah usaha-usaha yang sedang dibuat dan akan dibuat untuk memindahkan mereka ini ke negara ketiga dan agak-agaknya bila kesemua 20,000 orang ini akan dapat dikeluarkan daripada bumi Malaysia ini.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada pendatang haram dari Vietnam ditempatkan di suatu pusat iaitu satu di Pulau Bidong di Trengganu dan satu lagi di Kuala Lumpur di mana pendatang haram yang ditempatkan di Kuala Lumpur bertujuan untuk dihantar ke negara ketiga. Jadi ini bermakna bahawa tiap-tiap seorang dan tiap-tiap kumpulan itu berbeza dari segi jangka masa mereka telah berada di dalam negara ini.

Dari segi memproses mereka keluar daripada negara kita ke negara ketiga, Kerajaan berpuas hati dengan proses ini oleh sebab negara-negara ketiga yang berkenaan seperti Amerika Syarikat telahpun memprosesnya dalam jangka masa yang memuaskan dan saya tidaklah dapat memberi jawapan atas bilakah akhirnya sekali semua pendatang haram ini akan dapat dikeluarkan oleh sebab masalah ini ada kaitan dengan beberapa faktor yang lain, iaitu di mana begitu banyak negara-negara ketiga yang ada prioritynya dari segi proses memilih mereka yang hendak diterima ke negara-negara ketiga ini.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri yang berkenaan sedar bahawa dalam satu kenyataan oleh Duta Indonesia yang menyatakan di Malaysia ada tidak kurang

60,000 pendatang haram Indonesia. Jika benar, apa tindakan telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan dan bolehkah Kementerian yang berkenaan menggunakan Task Force VII di mana Task Force VII ini masa ini ada digunakan untuk mempertahankan pendatang haram dari Vietnam di pantai timur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Task Force siapa ini?

**Tuan Lee Kaw:** Task Force VII ada ditubuhkan oleh Menteri Pertahanan. Task Force VII ialah "V.I.I."—Vietnamese Illegal Immigrants.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bahagian yang kedua itu bolehlah dijawab tetapi bahagian yang pertama mengenai benar atau tidak benar kenyataan dalam akhbar itu Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan soalan seumpama itu.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan salah faham, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan bahawa saya tidak mengetahui sama ada Duta Indonesia bercakap atau tidak, itu terulanglah kepada Ahli Yang Berhormat . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu saya sudah tidak benarkan, tidak boleh di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (h).

**Dato' Musa Hitam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan sama ada Kerajaan akan menubuhkan Task Force VII sepertimana yang ditubuhkan bagi menghadapi masalah Vietnam, saya suka menyatakan bahawa setakat ini Kerajaan tidak ada rancangan oleh sebab keadaannya adalah berbeza di antara pendatang haram dari Vietnam dengan apa yang dikatakan masalah pendatang haram dari Indonesia iaitu Vietnam kita tahu mereka datang dengan bot, kita boleh nampak beratus-ratus atau beribu-ribu mengikut bot yang tertentu tetapi apa yang dikatakan pendatang haram dari Indonesia kita tidak nampak, kita tidak tahu ada kata-kata dan saya berharap kalau Ahli Yang Berhormat itu nampak atau tertangkap, kenalah beritahu perkara itu kepada kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang tadi ialah di bawah Peraturan Mesyuarat 23 (1) (i), bukan 23 (1) (h).

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan, adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa pendatang haram dari Indonesia sekarang adalah merupakan satu punca yang sangat serius untuk menjejaskan kehidupan keamanan rakyat Malaysia hari ini khususnya di Petaling Jaya dan di Kuala Lumpur umpamanya baru-baru ini sehingga bekas Gabenor Pulau Pinang dan Datuk Bandar dan beberapa kakitangan kanan Kerajaan pun dijadikan sebagai mangsa daripada aktiviti-aktiviti jenayah dari pendatang haram. Juga bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan yang mulia ini sebenarnya apakah faktor-faktor yang mengakibatkan begitu ramainya pendatang-pendatang haram dari Indonesia membanjiri negara kita. Adakah ini disebabkan kerana terlalu panjangnya pantai laut di Selat Melaka atau apakah sebab sehingga ianya merupakan satu punca jenayah yang serius di negara kita?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi kejadian-kejadian jenayah, saya suka menyatakan bahawa apa yang dikatakan pengetahuan bahawa kejadian ini dilakukan oleh pendatang-pendatang haram ialah berasaskan kepada laporan dalam akhbar ataupun berasas kepada pertemuan pihak akhbar dengan mangsa kejadian-kejadian penjenayah ini. Mereka mengatakan loghat atau bunyinya seolah-olah Indonesia dan sebagainya. Jadi pihak Polis selagi tidak dapat menangkap dan mengetahui identiti ataupun mengenai orang itu kita tidak boleh memastikan daripada mana orang itu—minta maaf Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi daripada Rengit agaknya ada orang yang bercakap pelatnya yang agak teruk sedikit dan sama dengan Indonesia misalnya. Saya bukan mengatakan salah kepada orang Rengit kemungkinan menjadikan jenayah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Wakil Yang Berhormat ada di sini!

**Dato' Musa Hitam:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya menyebut. Jadi cuma ada dua tiga kes yang tertentu sahaja di mana pihak Polis dapat menangkap dan dapat tahu daripada tangkapannya ada beberapa orang

yang terlibat itu dipastikan orang Indonesia dan setelah dipastikan maka tindakan undang-undang biasa diambil dan kalau difikirkan perlu dideport ataupun dihantar balik, malahan setahu saya mengikut rekod ramai juga yang telah dihantar balik kalau didapati benar-benar mereka pendatang haram.

Yang Kedua, dari segi apakah sebab musabab sama ada pantai itu terlampau jauh atau tidak, jawabnya saya tidak tahu oleh sebab khabar-khabar menyatakan beribu-ribu, tiap-tiap seorang bangun menyatakan ada beribu-ribu. Saya hendak tahu bukti, kalau ada bukti barulah kita cari. Setahu saya setakat ini tidak ada laporan mengatakan beribu-ribu yang naik perahu atau naik kapal mendarat di Malaysia. Itulah saya katakan saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengetahui tentang perkara ini tolong laporkan. Itu sahaja caranya kita boleh mengatasinya.

**Tuan Haji Ikhwan bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyebutkan tentang 8,211 pendatang haram yang telah diusir. Saya ingin bertanya kepada beliau dari jumlah 8,000 yang diusir itu apakah mereka terlibat dengan kerja-kerja pembinaan, kerja-kerja ladang kelapa sawit dan sebagainya yang pada masa ini kita menghadapi kesukaran pekerja-pekerja atau buruh untuk menjayakannya?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis untuk analisa.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu sama ada Kerajaan memberikan kad-kad pengenalan kepada pendatang-pendatang haram Indonesia?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak memberikan kad pengenalan dengan begitu senang sahaja. Proses memberi kad pengenalan ini mengikut undang-undang.

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Vietkong dapat menawan Vietnam maka rakyatnya berselerak lari maka jadilah pendatang haram, datang ke Malaysia, pergi ke Thailand, pergi ke Manila, pergi ke Hong Kong. Di antara banyak-banyak negara ini

yang datang ke Malaysia sebanyak 280,000 hanya tinggal 20,000. Negara manakah yang jaguh, jadi hero yang boleh menyelesaikan masalah pendatang haram di antara negara-negara yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jaguh apa ini?

**Tuan Haji Hashim bin Haji Endut:** Jaguh yang boleh menyelesaikan masalah pendatang haram dalam negara. Adakah Malaysia atau negara lain.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, jawab yang directnya Malaysialah (*Ketawa*).

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah ditimbulkan oleh banyak Ahli-ahli Yang Berhormat ialah mengenai pendatang haram dari Indonesia sahaja. Saya ingin tahu sama ada Timbalan Perdana Menteri mengetahui juga tentang pendatang-pendatang haram dari lain-lain negeri termasuk negeri-negeri jiran dan negeri-negeri lain seperti Hong Kong, Singapura ataupun Taiwan misalnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan itu telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

**Dato Haji Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimana keterangan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada 20,000 lagi rakyat Vietnam yang masih belum diambil oleh negara yang ketiga. Adakah benar saya difahamkan setengah daripada negeri-negeri ketiga ini dia memilih-milih hendak mengambil yang lawa-lawa dan yang comel-comel sahaja, yang tua-tua ditinggalkan. Kalaulah benar akhirnya nanti yang tua-tua itu ke mana hendak diletakkan.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar ada tendency keberatan mereka hendak memilih yang comil-comil dan lawa-lawa, maklumlah manusia biasa. Tetapi suka saya menyatakan bahawa ini masalah diskriminasi dari segi umur dan sebagainya telah pun kita bawa ke pengetahuan dan ke bidang perbincangan dengan negara-negara ketiga dan berasas kepada fahaman ini masalah ini nampaknya berkurangan, lebih-lebih lagi apabila mereka mendapati bahawa kebanyakan daripada mereka yang tua atau

yang tidak berapa comel seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada pula saudara mara mereka yang sudah pun pergi ke negara-negara ketiga yang berkenaan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana masalah pendatang haram daripada Indonesia bukan satu masalah yang baru timbul, tetapi satu masalah yang telah timbul beberapa tahun dan ada mereka yang bekerja sebagai buruh dan ada yang mereka terlibat di dalam perkara-perkara jenayah di mana Kerajaan pun mengetahuinya dan Kementerian Buruh ada membuat satu siasatan sungguhpun Menteri Buruh tidak berani memberi bilangan-bilangan pendatang-pendatang haram yang bekerja sebagai buruh tanpa mendapat kebenaran daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tetapi bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberitahu Dewan ini kenapa sekarang Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil satu sikap nampaknya mahu menunjuk bahawa perkara ini mungkin ada dan mungkin tidak ada dan tidak mengambil satu tindakan yang tegas untuk mengesan betapa besar masalah ini. Berapa bilangan, adakah bilangan dan tindakan yang diambil dan bukan untuk bertanya Ahli-ahli Parlimen apakah bukti. Adakah satu dasar di belakang dasar ini di mana Kerajaan mengambil satu sikap ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Amat Berhormat telah jawab tadi kerana datangnya secara haram tidak dapat bilangannya, itu sahaja yang saya dengar daripada jawapannya tadi.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan di sini bahawa sebenarnya sudah begitu ramai pendatang haram termasuk daripada Indonesia yang dikesan dan begitu ramai tiap-tiap kali dikesan dihantar balik. Inilah terkandung di dalamnya seperti saya sebutkan 8,812 orang termasuk daripada Indonesia. Seperti saya katakan tadi kalau kita dapat hantar balik; itu yang pertama. Kedua, keadaan dalam ladang-ladang dikatakan ada mereka yang berkerja dan yang datangnya daripada pendatang haram. Ini juga merupakan ramalan dan laporan. Selagi laporan itu berasas kepada cakap-cakap kedai kopi ataupun beri tahu sahaja selagi itulah Kerajaan tidak dapat

mengesannya. Tetapi suka saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Menteri Buruh tidak sambil lewa dan tidak takut untuk menghadapi masalah ini, malahan Kementerian Buruh telah mengadakan satu survey yang comprehensive di ladang-ladang di seluruh negara untuk mengetahui keadaan sebenar ada atau tidak pendatang haram yang berkerja dengan secara haram di ladang-ladang. Setakat ini kepastiannya ialah kedudukannya berkurangan dan hasil daripada laporannya kepada Kerajaan maka baru sahaja beberapa hari yang lepas saya telah membuat pengumuman bahawa Kerajaan telah mengarahkan supaya semua Kementerian-kementerian yang berkenaan iaitu Buruh, Perusahaan Utama dan Tanah dan Wilayah, ketiga-tiga Kementerian ini membuat kajian yang lebih mendalam meminta kerjasama daripada pihak-pihak ladang di dalam negara kita ini supaya mereka memberi tahu kepada kita keadaan kekurangan pekerja dan berapa ramai pendatang haram dan pekerja yang tidak sah yang bekerja dengan mereka supaya dengan maklumat ini dapat pula kita menggubal dasar Buruh sama ada kita hendak menerima atau tidak apa yang dikatakan pendatang haram dan kalau mereka itu benar-benar ada. Ini semua kenyataan yang mesti diketahui oleh Kerajaan dahulu sebelum digubalkan sesuatu strategi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (27hb Oktober, 1981).

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1982

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang

ditangguhkan atas masalah. "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sesebuah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$14,631,547,379 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1982, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1982 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 1981, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruang tujuh dan lapan senarai tersebut, (27hb Oktober, 1981).

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan pada petang semalam Ahli Yang Berhormat dari Tumpat sedang menyampaikan ucapannya, dan sekarang saya jemput beliau untuk meneruskan.

3.37 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, sekiranya pembayaran compaund boleh dikenakan kepada orang-orang yang meletakkan kereta tanpa bayaran, saya rasa ini juga boleh dikenakan kepada pembayaran-pembayaran cukai Kerajaan dalam bentuk apa sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai sebaran am. Kita mempunyai sebaran am yang baik di dalam negara kita. Semua akhbar-akhbar bebas mengeluarkan pendapatnya. Dalam hal ini, saya ingin memuji ketegasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bukunya yang bertajuk "Malay Dilemma". Banyak saranan yang berguna bagi rakyat negeri ini membacanya untuk memberi gambaran yang jelas kepada orang ramai tentang keadaan negara yang sebenarnya supaya ia tidak menjadi kekeliruan kepada generasi muda sekarang dan akan datang. Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah supaya buku tersebut dapat dicetak dalam Bahasa Melayu

dan berbentuk tulisan Rumi dan Jawi supaya orang di luar bandar dapat membacanya dengan teliti apa hakikat yang sebenarnya supaya ia tidak boleh diputarbelitkan oleh pihak-pihak tertentu yang sengaja mencari kesempatan untuk menghasut fikiran orang ramai hari ini. Kita bersyukur kerana buku "Malay Dilemma" ini telah dijual di pasaran dan saya berharap supaya orang ramai khususnya orang-orang Melayu dapat membaca reality yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Article 3 Perlembagaan negara, bahawa Islam agama Persekutuan dan agama-agama lain boleh berjalan dengan harmoni dan baik. Ini memberi pengertian yang luas iaitu apa sahaja yang mengenai keagungan Islam dan kemuliaannya perlu sekali dipatuhi dan ditingkatkan kemajuannya dari satu masa ke satu masa. Kita tidak nafikan bahawa Kerajaan selama ini telahpun memenuhi kehendak-kehendak Perlembagaan itu seperti membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah agama, madrasah-madrasah dan lain-lain lagi yang ada kaitan dengan syiar Islam dan ketinggian Islam di negara ini. Umat Islam kebanyakannya sedar benar peranan Kerajaan kita dan mengucapkan terima kasih.

Dalam banyak perkara yang diperkatakan oleh umat Islam di negara ini ialah mengenai cuti am yang berbeza-beza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain walhal kesemua negeri-negeri itu di dalam satu negara. Perkara seperti ini nampak kepada dunia luar akan perpecahan kita sesama kita bahkan dalam negara sendiri menimbulkan banyak masalah seperti urusan perkahwinan, pekerjaan, perniagaan, perundangan dan lain-lain lagi hal masyarakat dan negara yang rasanya menimbulkan banyak problem walhal jika disamakan cuti am ini di seluruh negara amatlah elok dan memenuhi urusan Kerajaan dan urusan masyarakat amnya.

Sudah barang tentu jika perkara ini hendak dijadikan tajuk perbincangan tentu sekali memakan masa yang lama dan tenaga yang banyak. Apa sahaja bila diutarakan tentu sekali ada penyokong dan ada pembangkangnya masing-masing dengan hujjah-hujjah dan alasan-alasan. Pada hemat

saya menjadikan cuti am di seluruh negara pada hari Jumaat amatlah sesuai sekali dan ada lojiknya. Pertama, bagi memenuhi Perlembagaan negara; kedua, hari Jumaat, penghulu segala hari dalam ajaran Islam; ketiga, melahirkan perpaduan negara dan masyarakat; keempat, memudahkan segala urusan dan kelima, menampakkan penyelarasan seluruh negara kepada mata dunia kerana sudah ada negeri-negeri yang selama ini menjalankan cuti amnya umum bagi negeri-negeri itu pada hari Jumaat iaitu Kelantan, Trengganu, Kedah, Johor dan Perlis. Maka sepatutnyalah negeri-negeri lain ikut sama. Negara kita sudah hampir 25 tahun mencapai kemerdekaan dan banyak perkara yang besar telah pun kita laksanakan dan beroleh kejayaan. Saya tidak nampak perkara yang kecil seperti ini tetapi besar maknanya kita tidak dapat laksanakan demi ketinggian agama Islam agama rasmi negara dan perpaduan masyarakat amnya. Oleh itu saya menyeru dan berharap supaya Kerajaan dapat menjadikan hari Jumaat cuti am di seluruh negara selewat-lewatnya awal tahun 1982 ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai Mahkamah Syariah, saya bersyukur kehadiran Tuhan yang maha esa walaupun agama adalah urusan Negeri (State matter) tetapi sebagai umat Islam tentu sekali ingin melihat Mahkamah Syariah yang selama ini belum lagi memuaskan dalam banyak hal tentang bangunannya, pegawai-pegawainya, Hakim-hakimnya serta taraf dan kedudukannya serta perkara-perkara lain yang ada kaitan dengan mahkamah dan keadilan supaya dapat ditingkatkan dan diperkemaskan lagi dari semasa ke semasa. Cara-cara kehakiman dan memberi kemudahan-kemudahan yang diperlukan sebagai sebuah mahkamah walaupun Mahkamah Syariah urusan negeri dan Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mengenainya tetapi ada banyak perkara-perkara yang Kerajaan Pusat boleh membantunya dari segi kewangan dan tenaga undang-undang. Hampir separuh rakyat negeri ini beragama Islam maka mengenai undang-undang keluarga Islam mereka berurus ke Mahkamah Syariah kerana undang-undang melibatkan orang-orang Islam sahaja. Jika taraf Mahkamah Syariah ini tidak ditingkatkan dan kedudukannya serta urusannya tidak diperkemaskan tentu sekali

orang ramai tidak memandang dengan penuh hormat dan sebaliknya menganggapkan Mahkamah Syariah itu sebagai tempat pengaduan am sahaja, tidak lebih dari itu. Oleh itu diharap apa yang telah banyak diperkatakan pada masa-masa yang lalu tentang taraf Mahkamah Syariah dan kedudukannya serta kemudahan-kemudahan yang perlu dititikberatkan oleh pihak yang berkenaan maka sewajarnya perkara Mahkamah Syariah ini sudahpun selesai diperbaiki dan dilaksanakan dan tidaklah seperti apa yang ada sekarang ini sangat-sangat tidak memberangsangkan apatah lagi kaum wanita Islam di negara ini telah banyak kali menyuarkan supaya diperbetulkan Mahkamah Syariah ini serta diberikah kedudukan yang sama taraf dengan mahkamah-mahkamah yang ada di negara ini.

Apa yang menyedihkan wanita-wanita Islam selama ini tidak berasa berpuas hati apabila urusan mereka di Mahkamah Syariah ini walaupun mereka memandang hormat dan mulia kepada hukum Islam yang diperkatakan dan dibahaskan di dalam Mahkamah itu kerana mereka sebagai penganut beragama Islam tetap patuh kepada hukum-hukum agama mereka dan mengaku pula kebenarannya, cuma yang mereka tidak berasa puas hati ialah cara penghakiman dan perjalanan Mahkamah Syariah itu yang pada pendapat mereka banyak perkara perlu diperbaiki dan kemudahan-kemudahan perlu diberikan. Saya menyeru dan berharap Kerajaan Pusat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri bagi mengadakan berbagai-bagai perbincangan bukan bermakna mencampuri urusan negeri tetapi sekadar bekerjasama sahaja untuk kebaikan dan kemajuan Mahkamah Syariah yang ada di negeri itu. Jika ini dapat dilakukan saya yakin dan percaya apa yang diharapkan oleh wanita-wanita Islam khasnya dan umat Islam di negara ini amnya akan tercapai dan akan terkabul iaitu Mahkamah Syariah yang setaraf dan setanding kedudukannya dengan mahkamah-mahkamah yang ada di negara ini demi untuk keadilan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan umat Islam di negara ini terasa benar hilang panduan dan bercelaru untuk dipegang di

dalam hukum-hukum di negara ini. Walaupun menurut undang-undang pentadbiran hukum syarak yang ada di negeri ini telah menentukan hanya fatwa Mufti atau Jawatankuasa Syariah Negeri sahaja yang akan dituruti dan dipakai tetapi hingga hari ini fatwa-fatwa itu tidak selaras dengan fatwa-fatwa yang lain itu bererti fatwa-fatwa tidak selaras di seluruh negara, ada yang berbeza-beza apatah lagi ditambah pula kekusutan dan bercelaru pendapat mereka yang dikatakan pandai dalam hukum menyebarkan fatwa-fatwanya sendiri hingga timbul fatwa kafir-mengkafir sesama Islam, tidak sah nikah kahwin di antara puak itu dengan puak ini dan tidak boleh pusaka mempusakai. Tiap-tiap kali kita umat Islam khususnya berasa tidak mantap di dalam hukum-hukum agama kita kerana ada perbezaan fatwa di antara satu negeri dengan satu negeri. Walaupun kita telah ada Majlis Fatwa Kebangsaan dan Majlis Hal Ehwal Agama Islam tetapi hingga hari ini belum dapat diselaraskan hukum di seluruh negara bagi dipakai dan dituruti oleh semua umat Islam di negara ini. Jika perkara menetapkan awal Ramadhan, awal Syawal dan Hari Raya Haji telahpun dapat diselaraskan di seluruh negara maka hukum-hukum yang lain pula yang mengenai undang-undang Islam wajib diselaraskan juga. Kita Umat Islam di negara ini sangat patuh kepada ajaran Islam dan mengaku dalam hati akan kebenaran dan kebagusannya, cuma tidak dapat kepastian yang muktamad bagi dipegang dan diamalkan kerana adanya perbezaan fatwa-fatwa itu.

Saya di sini menyampaikan hasrat sebahagian besar umat Islam di negara ini iaitu sudah sampai masanya fatwa-fatwa yang dikeluarkan yang mesti dipatuhi dan dituruti itu hendaklah diselaras ke seluruh negara yang perlu disalurkan kepada satu-satu saluran yang tertinggi sekali supaya dihormati dan diamalkan oleh seluruh umat Islam negara ini. Rasa saya tidak lain lagi ialah disalurkan kepada Majlis Fatwa Kebangsaan yang ahli-ahlinya terdiri daripada Mufti-mufti Negeri dan lagi Majlis Kebangsaan dan seterusnya Majlis Raja-Raja. Dengan ini sahajalah perkara yang selama ini tidak mantap dan merunsingkan kebanyakan umat Islam negara ini dapat diatasi dan memberi panduan mengenai hukum-hukum Agama

yang diperlukan bagi diamalkan di dalam kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini undang-undang keluarga yang lengkap telahpun siap diwartakan bagi dipakai di negara ini bagi orang-orang yang bukan Islam. Tetapi bagi orang-orang Islam pula belum lagi ada undang-undang keluarga Islam yang diwartakan. Walaupun telah digubal Rang Undang-undang Keluarga Islam yang kemas sejak beberapa tahun yang lalu tetapi hingga hari ini belum dapat diwartakan apatah lagi dipakai di seluruh negara.

Saya difahamkan undang-undang yang dinamakan Undang-undang Keluarga Islam telahpun sampai ke Majlis Raja-raja dan telahpun diserahkan pula kepada negeri-negeri tetapi hingga hari ini belum ada satu negeri pun di negara ini yang mewartakannya sebagai satu undang-undang apatah lagi dipakai di negeri-negeri.

Saya rasa undang-undang ini tentu sekali digubal begitu cermat dan mencapai semua aspek keluarga bagi memperketatkan lagi persesuaian dengan perkembangan kemajuan negara dan kehidupan yang serba mencabar. Saya di sini menyeru supaya Undang-undang Keluarga Islam yang telah digubal sekian lama dan memakan banyak usaha dan tenaga itu supaya disegerakan dipakai di Negeri-negeri dengan itu umat Islam di Negeri-negeri tidak ketinggalan dengan yang lain, dapat hak keadilan dan perhatian yang sewajarnya. Apalah ertinya jika telah ada Undang-undang Keluarga Islam tetapi tidak dilaksanakan, tinggal di situ sahaja tidak dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya. Saya menyeru supaya Undang-undang Keluarga Islam itu dilaksanakan di seluruh negara seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Tabung Haji. Tidak siapapun boleh menafikan tentang perkembangan yang pesat yang dijalankan oleh Tabung Haji sekarang ini. Assetnya meningkat bermilion ringgit dari setahun ke setahun. Pelaburannya dengan syarikat-syarikat swasta yang besar sangat menggalakkan. Ini kita puji. Satu hakikat yang harus diperhatikan oleh Tabung Haji ialah berkhidmat untuk memberi service

kepada jemaah haji. Khidmat ini adalah satu perkara yang mesti diperhatikan oleh Tabung Haji. Ianya penting dari segi memberi khidmat kepada jemaah-jemaah haji semasa mereka berada di tanah suci. Kita tahu wang yang diberi semula kepada bakal-bakal haji itu sebenarnya adalah tidak cukup. Saya tahu ada di antara jemaah-jemaah haji itu terlantar di Mekah atau di Madinah. Mereka kekurangan wang. Mereka inilah yang perlu diberi bantuan untuk mengerjakan fardu haji dengan sempurna. Sekiranya fikiran mereka tidak berteram, bagaimanakah mereka dapat menunaikan fardu haji dengan sempurna.

Saya ingin mengesyorkan di sini bahawa walau apapun yang difikirkan, jemaah haji mestilah diberi pertolongan dan bantuan semasa mereka kekurangan wang atau kehilangan wang. Pendeknya, apabila ada aduan dibuat oleh jemaah-jemaah haji itu, saya rasa ini adalah menjadi tanggungjawab Tabung Haji untuk memberi bantuan dengan seberapa segera yang boleh.

Saya tidaklah mencadangkan supaya mereka diberi bantuan percuma. Sebaliknya, bantuan dan pertolongan atas kesusahan mereka itu bolehlah diminta untuk dibayar semula sekemalinya mereka ke tanah air kelak. Kita tidaklah boleh memikirkan semata-mata untuk keuntungan hasil daripada keringat wang pak Ali atau pak Mat untuk dilaburkan di dalam saham semata-mata, tetapi pada saya ini adalah soal yang kedua. Tugas utama ialah memberi service kepada pak Ali atau pak Mat bila-bila mereka dalam kesusahan di tanah suci. Saya harap Tabung Haji dapat mengambil ingatan ini dengan seriusnya, mudah-mudahan ianya tidak berulang tahun demi tahun. Saya percaya pandangan saya ini mendapat perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya menarik perhatian Kerajaan mengenai kemasukan pelancung-pelancung luar negeri ke negara kita. Pintu masuk negara kita adalah dijaga dengan cukup rapi sama ada melalui lapangan terbang, pelabuhan mahu pun kemasukan melalui sempadan di antara negeri-negeri jiran kita oleh kerana Jabatan Imigresen ini sebagai satu jabatan yang mustahak dan penting.

Saya rasa masanya telah tiba bagi Kerajaan memikirkan tentang bagaimana cara boleh diperkuatkan lagi kedudukan Jabatan Imigresen kita. Melalui pengalaman-pengalaman kita yang lepas Ketua-ketua Pengarah Imigresen yang aktif, tegas dan cekap selalunya tidak kekal lama berkhidmat di jabatan tersebut, mungkin disebabkan tekanan daripada beberapa pihak yang menyebabkan pertukarannya ataupun oleh kerana sebab kenaikan pangkat yang mana itu tidak dapat dielakkan.

Memandangkan kedudukan yang begitu penting dan mustahak kepada negara, saya ingin mengesyorkan supaya Ketua Pengarah Imigresen ini dinaikkan tarafnya dan dijadikan satu jawatan yang diperundangan ini sama seperti taraf dengan jawatan Ketua Audit Negara. Sekiranya ini dapat dipertimbangkan, saya percaya Ketua Pengarah Imigresen yang berkenaan akan dapat menjalankan tugasnya dengan lebih tegas dan berani tanpa gangguan daripada mana-mana pihak untuk menukar mereka.

Begitu juga mengenai Pejabat Pendaftaran Negara. Jabatan ini juga satu jabatan yang mustahak dan penting kepada negara oleh kerana ianya ada kaitan dengan kewarganegaraan. Maka saya juga berpendapat dan mengesyorkan supaya jawatan Ketua Pengarah Pendaftaran Negara dijadikan satu jawatan yang diperundangan iaitu sama dengan jawatan yang diberi tarafnya dengan Ketua Pengarah Imigresen supaya ianya selaras dengan kuasa-kuasa perundangan seperti mana yang diberikan kepada Ketua Pengarah Audit Negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dapat mempertimbangkan mengenai cukai kepada buah-buahan. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, rasa saya eloklah juga cukai buah-buahan ini dimansuhkan ataupun diberi kelonggaran kepada mereka yang membeli dua atau tiga kati untuk dimakan, bukan untuk diniagakan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun ini, saya rasa mungkin Belanjawan yang terakhir bagi Parlimen Yang Kelima ini.

Sekiranya ini benar anggapan saya maka saya ingin mengambil kesempatan di sini merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang berkenaan, khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, seorang yang kita sanjung tinggi iaitu dalam masa khidmat saya di Parlimen ini mungkin terdapat silap kata satu tersalah bahasa, maka dengan ini saya mohon maaf.

Sekian sahaja ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong penuh Belanjawan yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Damansara.

3.58 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, bersama-sama kita dalam Dewan yang mulia ini ada Belanjawan di bawah kepimpinan Kerajaan baharu.

Pemimpin baharu ini cuba memberi ubat dan penawar kepada penyakit-penyakit yang telah diwariskan termasuk dalam rangka susunan negara muda ini. Izinkan saya berkata, saya quote:

“Bahawa tempat menyimpan mungkin sudah diganti tetapi di sini serupa.”

**Tuan Yang di-Pertua:** Quotation dari mana itu?

**Tuan V. David:** Saya punya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu bukanlah quote! (Ketawa). Tidak payahlah quote. Kalau quotation itu orang lain punya.

**Tuan V. David:** Asas tujuan-tujuan mutlak Barisan Nasional adalah serupa dan terus tidak berubah. Boleh jadi kemunculan kepimpinan baharu itu beliau mengelirukan rakyat dalam menentukan sikap mereka sebelum menjelang pilihanraya umum akan datang. Sebuah pentadbiran yang ada penyakit rasuah, tidak cekap, nepotisma dan semangat radikal perkauman sudah menjadi kebiasaan. DAP akan terus mendesak kuasa pusat jika ada sebarang usaha tulin untuk menyelamatkan negara dari fikiran yang telah merosakkan gambaran, tindakan yang sebenar dan kemuliaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, harapan rakyat diperkecilkan apabila cadangan Belanjawan dikemukakan di Dewan Parlimen. Sementara cukai di setengah barang-barang mewah diturunkan, harga pada setengah-setengah keperluan harian seperti makanan tetap sama.

Kerajaan merasa perlu untuk mengenakan cukai pada buah-buahan di mana ianya patut dibenarkan masuk secara bebas dalam pasaran Malaysia. Buah-buahan seperti apple, orange dan anggur dikenakan cukai dengan tidak menasabah. Inilah sebab-sebab mengapa ramai orang menyeberangi tambak ke Singapura untuk membeli buah-buahan. Harga susu pekat manis hari ini ialah \$1.20 setin. Bagi keluarga-keluarga miskin yang mempunyai ramai anak akan menanggung beban hasil dari kenaikan harga barang-barang makanan.

Tuan Yang di-Pertua, hasil keputusan muktamad dari sidang Belanjawan baru-baru ini jika diteliti dengan sedalam-dalamnya adalah untuk kepentingan rakyat yang berada dan bukannya untuk rakyat yang miskin. Rakyat yang miskin tidak mendapat apa-apa dari Belanjawan tersebut. Cukai pada barang-barang pengguna masih lagi kekal. Keseluruhannya cadangan Belanjawan oleh Barisan Nasional jelas tidak mengurangkan beban pengguna-pengguna miskin dari bebanan belanja hidup yang tinggi, sementara tiada langsung kenaikan dalam pendapatan rakyat.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, sementara hasil pendapatan untuk 1982 seperti dicatatkan dalam Belanjawan Kerajaan akan berjumlah lebih kurang \$17,683,000,000 mengendalikan perbelanjaan sebanyak \$17,319,468,720 tinggal selebihnya sebanyak \$363,531,280 di mana cuma 2.05% perbezaannya. Dari itu kita telah pasti dengan perdagangan eksport kita yang tidak seimbang dan berterusan turunnya harga getah di pasaran dunia, anggaran perbelanjaan kita akan turun pada masa yang sama menaikkan pengendalian perbelanjaan kita di mana akan menuju kepada kekurangan wang belanjawan untuk

tahun 1982. Oleh itu dalam penyelesaian analisa ekonomi kita tidak teguh dan kita akan menghadapi dilemma ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan di antara yang berada dan dengan yang tidak berada telah meluas gema penyusunan semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan dalam masa Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga tidak lebih sebagai khayalan dan angan-angan. Sebilangan kecil peratusan yang telah menambah kekayaan dan harta, pada hakikatnya yang miskin menjadi melarat dan menderita. Penyusunan semula masyarakat dan keadilan masyarakat hanya terdapat oleh segelintir UMNO-putra untuk menjadi jutawan dengan sekelip mata. Jutawan-jutawan ini telah mempunyai rumah-rumah yang berjumlah berjuta-juta harganya dan beberapa buah kereta Mercedes Benz di depan pintu rumah untuk menjaga nama baik palsu dan wang yang banyak dari titik peluh pembayar-pembayar cukai. Apa yang disebut fahaman UMNO-putra itu bukan untuk orang-orang Melayu yang miskin tetapi untuk kekayaan semata-mata.

Ini adalah cara keadaan yang ditujukan untuk memberi gembira kepada UMNO-putra yang menyemarakkan emosi dan sentimen orang-orang Melayu melalui nada perkauman yang radikal. Keadaan ini sudah terang dan nyata di Negeri Johor di mana nelayan-nelayan miskin dipertanggung dan dianiaya dengan hebatnya oleh kepimpinan yang bersembunyi di belakang tirai fahaman Bumiputera dan dengan tidak malu-malu memperkaya diri mereka. Dengan gimmick perkauman, dan ketidakjujuran politik, negara tidak dapat menyelesaikan masalah-masalah sosio-ekonominya. Kemiskinan tidak kira kaum dan pendekatan sosio-ekonomi hendaklah berasaskan tidak kira kaum. DAP akan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu, China dan India yang miskin semata-mata berdasarkan di atas keperluan yang memuncak mereka yang tidak berada, supaya semua rakyat Malaysia menikmati kekayaan negara tanpa kira kaum, warna atau keturunan.

Perbezaan ekonomi sedang meluas dari masa ke semasa dalam negara kita. Mereka

yang berada dan yang tidak berada tetap berselisih mengenai kemudahan-kemudahan dan kepunyaan. Satu contoh kelasik perbezaan ini didapati pada rumah-rumah pilihan di mana terdapat sebanyak lima belas hingga dua puluh buah kepala paip air, malah pancaran air. Dalam masa yang sama, terdapat kira-kira tiga puluh keluarga bersama-sama menggunakan sebuah paip air awam. Ini adalah trajidi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Apatah lagi di kawasan-kawasan luar bandar. Dalam kawasan-kawasan bandar masalah seperti ini telah meningkat kepada mencemaskan. Saya akan beri contoh: Kampung Pasir, Kampung Haji Abdullah Hukum, Kampung Pantai, Kampung Sg. Pencala, Kampung Serai, Kampung Bahagia, Segambut Dalam, Kampung Sentul, Kampung An Seng dan lain-lain. Oleh kerana itu, Dasar Ekonomi Baru belum dapat memberi kenyataan bagi menyelesaikan masalah-masalah dengan cara pelaksanaan yang berkesan. Bekalan air dan api kepada banyak rumah di Kuala Lumpur tidak diberi di bawah Dasar Ekonomi Baru. DAP menyeru Barisan Nasional supaya berterus terang dan mengaku akan kebenaran bahawa orang-orang miskin telah tertipu dengan janji-janji dan ikrar-ikrar kosong.

Tuan Yang di-Pertua, kadar inflasi tahunan bagi Malaysia telah melambung kepada 11.3 peratus dalam bulan Jun tahun ini. Perangkaan menunjukkan bahawa Daftar Harga Pengguna telah naik dengan cepatnya sebanyak 1.5 peratus di antara bulan Mei dan Jun, lebih besar kerana kenaikan harga makanan dan sewa, minyak petrol dan kuasa dan perkhidmatan-perkhidmatan lain. Bagi bulan ketiga berturut-turut tahun ini, kadar inflasi telah bertambah 10 peratus. Dalam bulan April, trend pasaran menunjukkan bahawa daftar harga pengguna naik 0.8 peratus dari bulan sebelumnya, meningkatkan kadar inflasi tahunan kepada 10.8 peratus dan telah memecahkan dua angka buat kali pertama dalam masa tujuh tahun. Kenaikan itu menunjukkan bertambah cepat kerana tahun telah melalui waktu pertengahan. Perangkaan menunjukkan kenaikan 9.5 peratus dari tahun sebelumnya ke atas barang-barang perlu seperti barang-barang makan, dan

lain-lain. Apa sebabnya kenaikan ini? Ini tidak boleh dikatakan sebagai inflasi yang 'diimport', kerana kebanyakan barang makan didapati dalam negeri. Ini bukanlah inflasi 'Antarabangsa' yang merangkak ke Malaysia, kerana tidak ada kaitan dengan harga-harga melambung dalam pasaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak diperiksa, pasar gelap, subahat dan bantuan oleh pihak berkuasa, akan menjadikan mustahil bagi orang-orang makan gaji untuk hidup, khasnya mereka yang berkeluarga besar. Kerajaan telah gagal mengawal harga-harga barang perlu. Barisan Nasional memekakkan telinga kepada pengguna-pengguna yang miskin. Pendapatan hanya akan bererti sekiranya harga-harga kekal pada peringkat kesanggupan kuasa membeli pengguna-pengguna. Sudah jelas bahawa orang-orang kaya tidak mempunyai masalah kerana mereka mempunyai wang yang banyak untuk digunakan. Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian hendaklah memberi penjelasan tentang kedudukan itu dan langkah-langkah yang tetap hendaklah diambil bagi mencegah perbuatan menyorok barang-barang dan memutar belit harga.

DAP mencadangkan supaya dibentuk Lembaga Harga bagi menentukan harga-harga barang-barang penting dan menjamin supaya semua mereka yang melanggar harga-harga itu dihukum dengan seberat-beratnya.

Tuan Yang di-Pertua, kepalsuan dasar luar Malaysia telah terdedah dengan keengganan Perdana Menteri menyertai Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan Komanwel baru-baru ini di Melbourne, yang sangat-sangat tidak bijak.

Perdana Menteri telah disalah nasihat mengenai dasar luar dan diplomasi yang akan diikutnya. Sikap Perdana Menteri mengenai Persidangan itu telah membingungkan banyak negara membangun. Tidak dapat dipertikaikan bahawa Komanwel adalah sangat perlu bagi negara-negara membangun dari negara-negara maju. DAP akan menentang sebarang langkah untuk keluar dari Negara-negara Komanwel sekiranya ini terlintas dalam kepala Kerajaan Malaysia. Empat puluh empat buah negara dalam

Komanwel mempunyai peranan penting untuk dimainkan bagi mendekatkan jurang di antara negara-negara membangun dan negara-negara maju. Kebanyakan anggota-anggota Komanwel—negara-negara yang telah lama dijajah dan ditakluki oleh penjajah, khazanah-khazanah mereka telah dikosongkan oleh Empire British. Bagaimanapun, ini bukanlah sebabnya menjadikan kita berjauhan dari Komanwel ketika cuaca politik yang ada sekarang. Komanwel adalah satu alat yang perlu bagi Malaysia. Isu ini yang akan dibincangkan dalam Persidangan Komanwel bagi Perdana Menteri—Perdana Menteri adalah penting memandangkan kepada program untuk hidup Utara/Selatan, berdasarkan Laporan Suruhanjaya Brandt yang telah dibincangkan secara meluas di sana. Kemiskinan, kelaparan, sengsara dan masalah kaum telah menimbulkan bencana dalam negara-negara membangun. Negara-negara maju dalam Komanwel mestilah mengumpulkan sumber-sumber mereka untuk menolong negara-negara membangun supaya boleh berdiri di atas kaki sendiri. Inilah sahaja cara untuk mengekalkan kedaulatan, kebebasan dan kemerdekaan negara-negara ahli Komanwel. Perdana Menteri hendaklah mengkaji secara mendalam mengenai meneruskan keahlian dalam Komanwel.

DAP sangat percaya supaya dasar luar Malaysia dibincangkan dengan pemimpin-pemimpin Pembangkang dan dasar itu hendaklah berdasarkan di atas persetujuan. Inilah hak yang dinikmati oleh Pembangkang dalam semua negara dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua, rasuah, nepotisme dan penaungan telah dimiliknegerakan di Malaysia dan kekurangan dalam kepimpinan moral sangat-sangat memerlukan. Rasuah yang belum pernah terjadi lebih dahulu dan nepotisme yang berakar umbi telah menjadi cap pengesahan penghidupan awam dan pentadbiran awam hari ini. Ketua Hakim Malaysia yang terkenal Tan Sri Raja Azlan Shah menyatakan dalam akhbar *Straits Times* keluaran 13hb September, 1981 dan menyatakan:

"Ada rasuah, tetapi saya fikir telah kurang. Ada bukti bahawa apa yang

berlaku hari ini menyaksikan kepada kekuatan tenaga Institusi-institusi penting negara ini—Kerajaan Pusat yang kuat dan badan yang mengadakan undang-undang yang berterus terang, kebebasan akhbar dan kuasa undang-undang yang bebas.”

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi kebenaran bahawa banyak tokoh-tokoh besar parti memerintah sejak bertahun-tahun hidup mewah tanpa kesusahan. Apa lagi, mereka mendakwa telah berbuat banyak untuk kepentingan rakyat sahaja dengan tidak rugi dan mempunyai pengaruh dengan kuasa politik Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak ditubuhkan, BSN telah gagal untuk melakukan serangan yang hebat, dalam usahanya menghapuskan rasuah dalam negeri, khasnya ke atas mereka berpangkat tinggi dan berpengaruh dalam politik. Tun Tan Siew Sin bekas Menteri Kewangan memberitahu Asian Wall Street Journal dalam bulan Jun 1978 bahawa:

“Ada berlaku rasuah di Malaysia dan saya rasa kian bertambah.”

Rasuah bermaharajalela di kalangan tinggi di mana pengaruh politik menguasai dan menyembunyikan jenayah itu. Urusan tanah oleh Ahli-ahli Dewan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen untuk mendapatkan tanah Kerajaan untuk mereka sendiri pada kadar Kerajaan apabila kadar pasaran harta tersebut bernilai berjuta-juta ringgit. BSN membisu dalam isu ini. Skim rumah-rumah murah Perbadanan Kemajuan Negeri tidak sampai kepada orang-orang miskin yang patut mendapat, tetapi sampai kepada saudara-mara dan orang-orang politik, ahli-ahli yang mempunyai kuasa untuk membeli rumah-rumah itu berdasarkan kepada kelayakan. Marilah kita periksa rekod-rekod Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Parlimen yang telah dapat tanah Kerajaan, sama ada di atas nama mereka sendiri—di atas nama isteri atau suami atau saudara-mara mereka. Tanah dipunyai oleh rakyat bukan kepunyaan mereka ini. Selangor dan Johor telah menjadi pusat kejadian penyelewengan, namun negeri-negeri lain pun tidak banyak bezanya dari kedua-dua negeri itu. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mempunyai banyak kereta

Mercedes Benzs dan beberapa buah rumah besar yang tidak seimbang dengan sumber pendapatan mereka. Pegawai-pegawai Kanan awam dapat cukup wang untuk membina rumah berharga berjuta ringgit dan dilengkapi dengan peralatan yang diimport. Pentadbir-pentadbir berpengaruh ini cukup wang untuk main judi di Kasino Genting Highlands. Apa yang dibuat oleh BSN tentang ini? Ketika ikan-ikan besar terus menerima nikmat, ikan-ikan kecil selalu ditangkap untuk menunjukkan wujudnya BSN.

Rasuah adalah perkara hari-hari. Wang yang dibelanjakan dalam masa pilihan parti oleh parti-parti komponen Barisan Nasional menimbulkan persoalan. Dari mana datangnya wang ini? Mesti datang dari perniagaan-perniagaan besar melalui urusan haram. Adakah BSN menyiasat perkara ini?

Rasuah di kalangan tinggi hendaklah dihapuskan dan ini boleh dibuat hanya dengan langkah yang keras dan tegas yang dilaksanakan khasnya ke atas mereka yang mendapat kurniaan, bintang kebesaran yang rapat dengan pusat kuasa. Ahli-ahli Dewan Undangan dan Ahli-ahli Parlimen parti memerintah telah membuat kekayaan dalam masa beberapa tahun ini. BSN mestilah bertindak tanpa takut atau memihak. Tanah Kerajaan yang didapati oleh Ahli-ahli Dewan Undangan dan Parlimen dari Negeri mesti ditarik balik, kerana tanah itu dipunyai oleh Negeri.

Dalam masa beberapa bulan yang lalu perhatian orang ramai telah dibawa kepada ketidakadilan Kerajaan kepada rakyat yang membawa masuk isteri mereka dari bangsa asing. Selama bertahun-tahun rakyat Malaysia telah kahwin dengan isteri-isteri dari bangsa asing dan tidak pernah menjadi isu walaupun selepas tahun 1962. Malangnya, kerana salah tafsir dan prejudis, bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah membuat sesuatu kerana kebodohan mengenai Jabatan Imigresen dengan memutar belitkan peruntukan undang-undang. Batu ujiannya ialah isteri-isteri dari bangsa asing mestilah telah tinggal bersama suami mereka selama lima tahun. Ini bererti bahawa isteri dari bangsa asing yang tinggal

bersama ibubapa mereka selama dua tahun dan lepas itu balik tinggal bersama suami mereka selama tiga tahun layak menjadi penduduk Malaysia kerana suami mereka rakyat negara ini. Kalimat "tidak tinggal berasingan" sekarang ditafsirkan sebagai "mesti tinggal dengan". Keadaan telah bertambah buruk oleh pegawai-pegawai Imigresen yang tidak tahu tentang Perlembagaan dan hak rakyat. Hak untuk memilih pasangan adalah hak turun menurun yang tidak memerlukan undang-undang. Negeri tidak boleh mengenakan kawalan kepada pilihan itu.

Dalam tahun 1980, Kerajaan telah membuat undang-undang mengenai dasar yang merugikan semangat Perlembagaan. Allahyarham Perdana Menteri Tun Abdul Razak terdahulu dari itu selaku Timbalan Perdana Menteri memberi jaminan dalam Parlimen (tahun 1962) dengan mengemukakan satu pindaan kepada Perlembagaan dan beliau berkata:

"Tidak akan ada kesulitan dalam kes perkahwinan yang tulin bagi Rakyat Persekutuan yang benar-benar hendak kahwin diluar dan membawa isterinya bermastautin di sini. Adalah juga mungkin dalam kes tulin bagi mendapatkan permit untuk tinggal menetap dalam negeri ini."

Adalah sentiasa menjadi pegangan bahawa isteri seorang rakyat mempunyai hak masuk ke negara dan setibanya dia tidak diperlukan mendapatkan permit untuk masuk. Bekas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan lagi dibanyak tempat bahawa membawa masuk seorang isteri ke Malaysia dari luar ialah satu keistimewaan bukan kelayakan. Di sini saya mesti bawa perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Perlembagaan yang sangat terang. Fasal 15 Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa seorang isteri dari bangsa asing berhak dengan secara memohon didaftarkan sebagai seorang rakyat jika kemasukannya ternyata dengan bukti cukup. Syarat yang dibuat dalam Perlembagaan ialah:

(a) Dia tinggal di negeri terus menerus selama dua tahun sebelum tarikh permohonan untuk kerakyataan;

(b) Dia menunjukkan hasratnya untuk tinggal tetap; dan

(c) Dia berkelakuan baik.

Adalah tidak betul bagi Kerajaan mengganggu isteri dari bangsa asing yang menyertai suaminya seorang rakyat Malaysia, dengan mengenakan sekatan-sekatan yang tidak pada tempatnya. Saya tegaskan lagi bahawa adalah hak rakyat negara ini untuk kahwin dengan seorang isteri dari sebarang bahagian dunia. Kerajaan Malaysia bersusah payah cuba mengelirukan isu di antara kelayakan dan keistimewaan. Adalah jelas bahawa bukan keistimewaan tetapi hak. Jika Kerajaan tidak membetulkan kedudukan ini dengan menarik balik tekanan yang tidak sepatutnya itu ke atas isteri-isteri dari bangsa asing, biar kita memberi amaran bahawa adalah bagi tindakan sebuah Mahkamah untuk menentukan ini di bawah sistem undang-undang. Eloklah Kerajaan menghindarkan keadaan yang begitu yang akan merosakan lagi kemuliaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang 700,000 orang dari keturunan Cina dan 200,000 orang keturunan India tidak mempunyai kewarganegaraan di Malaysia. Mereka telah dinafikan hak kerakyatan mereka walaupun mereka ini telah menetap di Malaysia lebih dari masa yang diisyaratkan. Kewarganegaraan adalah hak seseorang dan bukannya hak-hak istimewa. Bila pihak British menyerahkan kuasa pada 31hb Ogos, 1957, kelayakan untuk menjadi warganegara adalah cuma hanya dikehendaki tiap-tiap seorang pemohon tinggal di Malaysia dalam jangka masa 5 tahun berterusan. Tetapi kaedah persetujuan ini yang ternyata dalam perlembagaan telah dihapuskan dengan adanya pindaan dalam perlembagaan di mana tiap pemohon kerakyatan yang lahir di luar Malaysia mestilah memohon kerakyatan mereka melalui Borang 'G' dan kerakyatan ini akan hanya diberi dengan kelulusan di atas budi bicara Kementerian Dalam Negeri. Bila mana pindaan perlembagaan dilakukan, kedua-dua MCA dan MIC menyokong pindaan ini yang menafikan hak kerakyatan bagi mereka yang dilahirkan diluar Malaysia.

DAP percaya penuh bahawa Barisan Nasional telah memperlakukan dengan

sengaja beberapa ratusan orang kehilangan kewarganegaraan mereka. Setengah dari permohonan kerakyatan yang dibuat dalam Borang 'G' masih lagi dalam pertimbangan Menteri Dalam Negeri lebih dari 10 tahun. DAP meminta Menteri Dalam Negeri mengkaji perkara ini berdasarkan kepada persefahaman dan juga inspirasi yang ternyata dalam Perlembagaan 31 Ogos, 1957. Adalah tidak adil bagi pihak Kerajaan membuat lebih dari 900,000 orang tidak mempunyai negara di mana mereka semua memenuhi syarat-syarat untuk menjadi rakyat warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, selalu disebut-sebut di Malaysia bahawa perpaduan negara itu adalah penting untuk menstabilkan politik dan ekonomi. Perpaduan negara menuntut dasar-dasar berbilang kaum dan berbilang agama. Perpaduan negara akan kekal menjadi cerita lama sehingga satu ketika rakyat terbahagi-bahagi oleh perpecahan politik dan ekonomi. Pendekatan kepada faktor-faktor ekonomi-sosial tidak boleh dikaitkan dengan bangsa yang menuju kepada polarisasi.

Bagaimana dapat dicapai perpaduan negara kita dipisahkan keistimewaan di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Pada pendapat saya bahawa semua yang lahir di bumi Malaysia adalah bumiputera. Konsep bumiputera dan bukan bumiputera hendaklah terhapus dari kalangan kita bagi membolehkan semua rakyat Malaysia mendapatkan perasaan dipunyai dan mendakwa bahawa mereka adalah bangsa negara ini. Pembahagian itu dibuat oleh fikiran yang salah dan Barisan Nasional telah berjaya membahagi-bahagi rakyat berdasarkan di atas teori pecah belah dan perintah oleh penjajah British. Apabila mengatakan tentang integrasi nasional, kenapa Kerajaan tidak mengemukakan undang-undang membubarkan UMNO, MCA dan MIC yang parti-parti perkauman dan wujudkan politik bukan perkauman. Pada satu pihak Kerajaan berkata bahawa faham perkauman adalah musuh ketat negara, tetapi di sebelah lain ia membiarkan dan memelihara sistem perkauman yang sempit dan keji itu.

Tuan Yang di-Pertua, apakah fungsi Lembaga Perpaduan Negara itu? Masalah

perpaduan negara tidak akan tercapai, hanya dengan mengadakan Lembaga Perpaduan Negara. Lembaga Perpaduan Negara bergantung di atas dasar Kerajaan mengenai proses integrasi. Saya menyeru Kerajaan supaya menghapuskan Lembaga Perpaduan Negara yang hanya mengujudkan pekerjaan untuk beberapa orang birokrat dan telah menelan banyak wang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kerajaan memulakan pengkalan-pengkalan Rukun Tetangga ia tidak sedar melalui gimmik dan membohongi rakyat. Petugas-petugas adalah berasaskan dengan sukarela untuk melindungi nyawa, rumah, harta-benda yang sepatutnya kerja polis. Tetapi akhirnya, sudah menjadi diwajibkan yang melampaui Perlembagaan. Dengan sistem sukarela ini Kerajaan berhajat hendak mengujudkan perpaduan negara tetapi telah gagal dengan sedihnya. Apabila kita periksa kenapa gagal, kita dapati kerana rakyat Malaysia tidak diberi perasaan kepunyaan dan bila ini tidak ada, sebarang langkahnya akan tetap gagal. Ini hanya dapat didorongkan di kalangan rakyat dengan dasar-dasar dan program-program Kerajaan di atas asas berbagai kaum. Kebanyakan pengkalan Rukun Tetangga sekarang ialah untuk mendapatkan sijil cuti dari tidak hadir bekerja. Ramai telah menyedari bahawa Rukun Tetangga hanya satu propaganda politik dan ini bererti untuk Menteri-menteri melawat pengkalan-pengkalan itu dan memberi ucapan propaganda politik dengan perbelanjaan pembayar cukai. Seluruh amalan itu telah sia-sia. Jadi, buat apa tunggu, hapuskan sahaja. Beri kepada rakyat apa yang mereka mahu tanpa diskriminasi. Inilah caranya mencapai perpaduan negara, dan bukan melalui Rukun Tetangga. Janganlah buang wang orang ramai kepada projek-projek yang pasti gagal.

Tuan Yang di-Pertua, beribu-ribu pendatang haram telah menyeberangi sempadan masuk ke Malaysia. Sama ada diketahui atau tidak, secara langsung atau tidak, Kerajaan telah bersubahat dan menolong pendatang-pendatang ini. Apakah sebabnya di belakang galakan Kerajaan kepada kemasukan beramai-ramai ini? Undang-undang imigresen mempunyai peruntukan yang ketat dan tidak mem-

benarkan sesiapa datang ke negara ini. Tetapi, adalah memmeranjatkan bahawa pihak berkuasa membenarkan kemasukan besar dan telah menghalalkan beberapa pendatang itu selepas masuk. Apabila seorang rakyat diberitahu dia tidak boleh membawa isteri atau suami dari negeri luar, kita tidak tahu bagaimana Kerajaan membenarkan adanya berpuluh ribu pendatang dari lain-lain negeri atau dekat Indonesia.

Kehebatan beribu-ribu pendatang dari Indonesia dalam beberapa kes telah mengancam periok nasi rakyat Malaysia. Ladang-ladang dalam negeri ini berbuat apa yang boleh menggunakan pekerja-pekerja pendatang ini untuk menggantikan pekerja-pekerja tempatan supaya para majikan mendapat peluang membayar gaji lebih rendah kepada pendatang haram ini dari yang dibayar kepada pekerja sah.

Tidak siapa pun dalam negeri ini percaya bahawa Kerajaan tidak sedar akan penyelewengan ini. DAP menuntut penjelasan dari Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri walaupun soal ini tidak sesuai untuk dijawab ketika dibangkitkan dalam sidang Dewan yang terdahulu. Apa gunanya Parlimen jika soalan-soalan tidak dijawab dan tuduhan tidak didengar oleh parti yang berkuasa?

Tuan Yang di-Pertua, \$23,000,000 telah disalahgunakan dalam Gula Negeri Sembilan. Hanya satu penyiasatan rasmi yang dapat menentukan siapa yang menipu wang kepunyaan rakyat itu. Memang senang mengatakan bahawa Gula Negeri Sembilan telah mengambil keputusan untuk ditutup, tetapi Perbadanan Kemajuan Negeri Sembilan hendaklah menerangkan kepada orang ramai. BSN hendaklah masuk campur dan selepas disiasat siapa yang didapati menyalahgunakan wang orang ramai hendaklah dibicarakan dalam mahkamah kita. Dalam hal ini, DAP meminta diadakan satu pasukan penyiasat awam dilantik oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap bila saya berucap rakyat semua faham apa yang difikirkan oleh parti Pembangkang.

Kita mempunyai Ahli-ahli Parlimen yang dua jenis. Dalam sistem membeza-bezakan, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional diperuntukkan sebanyak \$100,000 setahun untuk projek-projek dan lain-lain kegiatan dalam kawasan masing-masing. Malangnya, Ahli-ahli Parlimen pihak Pembangkang tidak mendapat hak ini. Perkara ini telah dibangkitkan kepada bekas Perdana Menteri dan sebagai biasa beliau tidak ada masa untuk menjawab soal keadilan yang amat penting ini. Kita menjemput Perdana Menteri menjelaskan kenapa wang sejumlah itu tidak diberi kepada Ahli-ahli Pembangkang? Wang dalam Perbendaharaan adalah wang awam dan MP-MP Pembangkang mempunyai hak yang sama dengan mereka di pihak Kerajaan. Saya minta penerangan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap tentang Persatuan Bolasepak Malaysia atau FAM. Apa yang terpenting dalam satu permainan ialah menyertainya dan untuk menang. Sama ada pasukan Malaysia menang atau kalah tidak jadi hal atau soal. Faktor penting ialah sama ada kita mengadakan pasukan yang paling baik dalam perlawanan antarabangsa. FAM telah melakukan sesuatu yang kurang baik dan memberi nama buruk kepada pasukan kebangsaan kita. Yang pertama, hendaklah ada perlindungan yang cukup bagi pemain-pemain yang mewakili pasukan kebangsaan. Malangnya, perlindungan ini terdapat kurang di Malaysia. Pemain-pemain itu tidak menikmati cuti bergaji dalam beberapa kes ketika berlatih dan kadang-kadang pencarian mereka dalam bahaya di mana keluarga mereka tidak diberi wang tetap apabila pencari rezeki mereka menyertai pasukan kebangsaan.

Sektor swasta yang membuat keuntungan amat kurang ambil tahu tentang pemain-pemain kebangsaan kita dan selalu tidak memberi cuti bergaji. Kebajikan pemain-pemain kebangsaan kita hendaklah diberi perhatian yang cukup. Jurulatih hendaklah mempunyai suara dalam memilih pemain-pemain dan jangan ada gangguan oleh pemain-pemain yang tidak terlibat secara langsung. Presiden FAM telah dikecam teruk kerana kekalahan teruk pasukan kebangsaan, dari Perlawanan

pre-Olimpik di Kuwait hinggalah kepada Perlawanan Jubli Perak Merdeka, dan juga selepas itu. Yang paling baik bagi beliau berbuat ialah supaya tunduk dengan hormat dan bukan melepaskan kesalahan itu kepada ahli-ahli lain. Apabila seorang politik mengetuai sebarang pertubuhan selalu berlaku politicking, dan khasnya dalam sukan ini adalah perkara buruk untuk berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Sekolah Cina dan Tamil dalam bandar dan di luar bandar dicuainya sepenuhnya. Sekolah-sekolah ini tidak mendapat layanan adil dari Kerajaan. Khasnya sekolah-sekolah Tamil, gurugurunya terlibat dalam politik MIC dan tugas mereka kepada penuntut-penuntut dicuainya. Dalam masa mereka berpoliticking mereka tidak ada masa untuk mengajar penuntut-penuntut. Kebanyakan sekolah di kawasan-kawasan luar bandar, khasnya dalam ladang-ladang tidak ada mempunyai kemudahan kesihatan dan atap bocor sudah jadi kebiasaan dan penuntut-penuntut terdedah kepada panas matahari dan hujan. Kementerian Pelajaran memberi sangat sedikit perhatian kepada sekolah-sekolah ini, jika boleh mereka berharap institusi-institusi ini tutup sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang berlaku kepada sistem penyiaran kita? Sistem penyiaran yang dipunyai oleh Kerajaan telah diperalatkan dan digunakan sesuka hati Kerajaan untuk propaganda. Rasa tidak puas hati telah timbul dari semua pihak mengenai Radio dan Televisyen Malaysia. Program-program tidak memberi puas hati kepada orang ramai. Kebanyakan program dibuat atas sesuka individu yang bertanggungjawab kepada program. DAP mengulangi lagi supaya saluran-saluran dan rangkaian-rangkaian RTM seperti berikut:

Bahasa Malaysia	2 saluran/rangkaian
Bahasa Tamil	1 rangkaian
Bahasa Tionghua	1 rangkaian
Bahasa Inggeris	1 rangkaian

Jika Kerajaan tidak ada kesanggupan dan kelayakan untuk mengendalikan RTM dengan cekap sebagai sebuah pertubuhan media-massa memberi khidmat kepada

rakyat secara adil dan patut, lebih baik dijadikan sebuah perbadanan seperti Perbadanan Penyiaran British.

Tuan Yang di-Pertua, sejak 20 tahun lalu banyak sungutan telah dibuat mengenai Hospital Kelang dan saya sendiri telah menimbulkan perkara ini dalam Parlimen beberapa tahun dahulu, dengan merujuk kepada Hospital ini sebagai "Rumah Sembelihan". Ulasan saya telah disahkan baru-baru ini oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Apakah keutamaan kebangsaan kita? Jika keutamaan kita untuk memberi kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat, maka kesihatan hendaklah diberi paling utama. Apa yang melambatkan siapnya Hospital Kelang itu di mana pesakit-pesakit ditempatkan di serambi terdedah kepada hujan dan matahari kerana kurang ruang dan tempat tidur.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sangat mendukacitakan walaupun mendiang Tan Sri Manickavasagam menjadi Ahli Parlimen kawasan Kelang selama 20 tahun hospital itu telah menjadi batu peringatan yang buruk. Di dalam konteks sistem kesihatan kebangsaan kita, keadaan Hospital Kelang yang memalukan itu hanya boleh dibuat jika dibina sebuah hospital baru dengan segera berdasarkan kepada fakta bahawa kita berurusan dengan nyawa manusia dan bukan sampah.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Letrik Negara hendaklah menjadikan dirinya untuk perkhidmatan yang betul kepada pengguna-pengguna. LLN kekurangan kecekapan dan dayausaha yang diperlukan. Tidak ada dedikasi dalam LLN. Jurutera-jurutera yang baru keluar dari maktab-maktab dengan tidak ada pengalaman sistem bekerja telah menimbulkan kekacauan di Ibu negara Persekutuan dan di Negeri Selangor. Mereka menggali tanah untuk meletakkan cable, dan meletakkan cable itu tidak berbulan-bulan tetapi jalan yang digali itu tidak ditutup semula. Orang-orang yang bertanggungjawab bagi meletakkan cable dan cable-joinder tidak menjalankan kerja mereka dengan betul dan akibatnya telah berlaku kesusahan kepada orang ramai di sepanjang jalan di mana tanah dihanyutkan air dan menjadikan

lumpur tebal. LLN perlu dirombak dan kecekapannya hendaklah diperbaiki dengan langkah disiplin yang ketat. Dalam pada itu pegawai-pegawai hendaklah sedar bahawa mereka adalah orang makan gaji dengan rakyat dan dibayar gaji mereka oleh pembayar-pembayar cukai.

Bergelap sudah menjadi perkara biasa dalam negara. Salahurus LLN telah menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit kepada perusahaan-perusahaan dan kesesuaian kepada orang ramai apabila elektrik tidak ada. LLN hendaklah mengadakan dan melaksanakan penawar yang perlu. Dalam masa tujuan-tujuan yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan supaya lebih cekap, DAP berharap supaya diambil tindakan tegas untuk memperbaiki keadaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan hebat perumahan awam telah menjadi masalah besar dalam bandaraya Kuala Lumpur Dewan Bandaraya telah mengumumkan ia akan membina sebanyak 30,000 buah rumah di bawah Rancangan Malaysia Keempat dalam masa lima tahun akan datang. Walaupun 30,000 buah rumah itu siap, pihak berkuasa Wilayah Persekutuan tidak akan dapat memenuhi permintaan orang ramai. Kuala Lumpur telah bertambah dengan kadar 7% penduduk setahun. Satu rancangan besar membina sebanyak 100,000 buah rumah setahun dalam masa lima tahun akan datang akan hanya dapat memenuhi kehendak mereka yang benar hendakkan rumah. Dalam perenggan 166 di dalam warta kewangan 1981/1982 ada menyatakan:

*Petikan—*

“Di akhir tahun 1980, skim perumahan awam kos rendah dikira hanya 39,490 unit berbanding dengan matlamatnya sebanyak 110,320 unit, dengan itu kekurangan sebanyak 66%. Di dalam ini kita nampak Kerajaan tidak boleh sampaikan target itu yang boleh membina rumah untuk pemohon-pemohon.

Di dalam dekad 1970 hingga 1980 Kerajaan telah gagal menuju kematlamatnya melalui rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Hanya 34% dari matlamatnya yang berjaya. Keputusannya

ialah rancangan dan pelaksanaan skim perumahan awam kos rendah telah gagal sama sekali.

Keadaan ini mengajak pihak-pihak Kementerian Perumahan supaya meletakkan jawatan kerana ia telah gagal untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam skim perumahan awam kos rendah. Kenyataan-kenyataan ini dapat membuktikan sendiri yang Kementerian Perumahan dan Kerajaannya telah gagal dalam tanggungjawab mereka. Menteri sepatutnya meletakkan jawatan demi menjaga nama baiknya. Ini telah nyata yang Kerajaan tidak akan dapat menyelesaikan masalah kekurangan perumahan untuk dekad-dekad akan datang. Kelemahan penyusunan, kekurangan inisiatif, kegigihan dan tidak cekap menjalankan tugas adalah sebab-sebab utama punca kegagalan tersebut.”

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ketidak-sanggupan Kerajaan memberi rumah-rumah murah kepada rakyat Kerajaan telah dieksploitasi oleh pemaju-pemaju rumah swasta. Hanya sebuah Lembaga Perumahan dalam konteks kebangsaan dan dalam rancangan kebangsaan akan dapat memberi rumah kepada mereka yang tidak berada dalam negeri. Perdana Menteri hendaklah berfikir dan berfikir lagi mengenai keperluan rumah untuk masa akan datang seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pemuda UMNO telah menimbulkan perpecahan kebangsaan dan perselisihan kaum di kalangan keturunan yang berlainan dengan kata-kata dan kenyataan-kenyataannya yang telah melukakan semula luka dalam hati dan fikiran bukan Melayu. Seruannya supaya ditutup sekolah Cina dan Tamil hendaklah disiasat oleh Perdana Menteri jika Kerajaannya tidak menyertai perkara besar itu. Ini tidak dilakukan. Kami berpendapat bahawa Barisan Nasional telah menggalakkannya menyakiti perasaan orang-orang Cina dan India. Seorang ultra perkauman tidak boleh dijalankan sebuah Kementerian, khasnya mengenai Pelajaran. Kami tidak percaya kepadanya dan DAP menyeru supaya beliau dikeluarkan sebelum

menghina lagi kepada kecederaan yang akan merosakkan harmoni kaum dan integrasi.

Tuan Yang di-Pertua, kebebasan akhbar ialah kebebasan menyatakan. Sebarang bentuk sekatan ke atas kebebasan akhbar bererti negara menahan berita kepentingan orang ramai dari rakyat. Media-massa hendaklah berfungsi sebagai entiti yang bebas. Menyusahkan akhbar-akhbar melalui supaya dibaharui permit setiap tahun adalah cara tidak langsung mengugut akhbar-akhbar dan satu amaran kepadanya supaya mengikut haluan Kerajaan dengan hanya menerbitkan pandangan-pandangan Kerajaan dan tidak menerbitkan pandangan yang berlainan dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab akhbar berlainan dari kebebasan akhbar. Jika akhbar mengelakkan tanggungjawab, ada undang-undang untuk menguruskannya. Tetapi dasar pokok kebebasan akhbar hendaklah dikekalkan dan dipelihara dan dijaga. Kita memerlukan kesedaran orang ramai dan memberi penjelasan kepada rakyat. Untuk ini, media-massa yang sihat, bebas dari kawalan dan ugutan dari Kerajaan adalah amat penting. Penafian kebebasan akhbar sekarang hanya melemahkan sistem demokrasi kita.

Tuan Yang di-Pertua, DAP menyeru Kerajaan supaya menarik balik pembaruan tahunan permit untuk menerbitkan akhbar-akhbar kerana peruntukan ini bertentangan dengan norma demokrasi. Marilah kita jamin bahawa kebebasan akhbar itu adalah untuk sebuah negara yang sihat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5.00 ptg.

**Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka):** Tuan Speaker, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan ini atas dua perkara yang mustahak iaitu Usul dan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada hari Jumaat yang lepas.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya perlu menyatakan saya adalah menyokong

sepenuhnya bahawa beberapa langkah yang dianggap berjiwa rakyat sepertimana yang dicerminkan dalam bentuk dan langkah-langkah percukaian yang dinyatakan di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan. Di sini saya perlu mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan khususnya dan Kerajaan kita amnya yang begitu mementingkan kepentingan golongan yang berpendapatan rendah.

Tuan Speaker, saya merasa dukacita bahawa suatu Belanjawan yang berjiwa rakyat yang begitu menitik beratkan kepentingan golongan pendapatan yang rendah yang mengalami kemelesetan ekonomi dan inflasi tetapi kita masih dapat mempertahankan prestasi belanjawan yang begitu mengagumkan tetapi tuduhan yang tidak bertanggungjawab yang berbau politik ini yang dilemparkan baik di dalam Dewan ataupun di luar Dewan ini nampaknya tidak adil bahawa belanjawan ini adalah sebagai belanjawan yang bercorak pilihanraya.

Di sini kita perlu besikap realistik dan neutral jika sekiranya di dalam keadaan kemelesetan ekonomi dan keadaan inflasi seluruh dunia yang kita alami jika Kerajaan menaikkan berbagai-bagai cukai atau mengenakan cukai yang baru sehingga golongan yang berpendapatan rendah dibebankan dan dianiayai apakah reaksi daripada rakyat dan apakah pendirian daripada orang yang menuduh Kerajaan yang sanggup membentangkan satu belanjawan begitu berjiwa orang yang berpendapatan rendah.

Apabila kita membentangkan satu belanjawan yang berjiwa rakyat ini Kerajaan dituduh bahawa kerana pilihanraya. Jika kita membentangkan satu belanjawan yang mengenakan cukai-cukai baru atau menokok tambah cukai-cukai yang berkenaan Kerajaan akan dituduh hanya akan menyusahkan rakyat. Nampaknya Kerajaan dalam satu keadaan yang serba salah, buat baik pun kena tuduh, buat tidak baik pun kena tuduh. Nampaknya kita tidak perlu menghuraikan tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan. Bolehkah kita menafikan satu fact bahawa ekonomi dunia ini sedang menghadapi kemelesetan sejak dua tahun yang lepas. Jika kita ada membaca Laporan

Ekonomi 1981/1982 jika kita ada halusi dengan mendalam dan menyeluruh tentu tuduhan-tuduhan ini nampaknya tidak berasas, umpamanya halaman 21. Kalau kita mengadakan satu perbandingan keadaan dan situasi ekonomi oleh negara-negara OECD, USA, Japan, Germany, dan United Kingdom, dari segi pertumbuhan ekonomi, dari segi inflasi, dari segi pengangguran kita boleh melihat Malaysia adalah mempunyai suatu rekod yang seharusnya dibanggakan. Lihat di UK inflasinya adalah dua digit. Dan juga di kebanyakan negara-negara, umpamanya kita lihat USA, baik dari segi pengangguran, pertumbuhan ekonomi dan juga kadar inflasi semuanya adalah melambung tinggi kalaulah dibandingkan dengan Malaysia.

Kita perlu memberikan pujian kepada Kerajaan kita khasnya Menteri Kewangan yang begitu bijaksana untuk membentangkan satu belanjawan yang membolehkan semua rakyat Malaysia menikmati segala langkah-langkah pencapaian yang diaturkan. Di sini kita memberikan contoh, pertamanya CPI (Consumer Price Index), kalau dibandingkan dengan negara-negara yang membangun atau yang maju atau di rantau ini tunjuk harga pengguna Malaysia hanya di jangka 9.6% sahaja kalau dibandingkan dengan negara-negara yang maju atau di dalam OECD ini adalah lebih rendah dan juga kadar rate of employment, dengan izin, Tuan Speaker, kita juga meningkat ke 3.2%. Sungguhpun saya mengauki inilah kali pertamanya Malaysia adalah mengalami defisit imbalan pembayaran lebih kurang \$780 juta. Umpama dibandingkan dengan tahun yang lepas kita adalah menikmati keuntungan imbalan pembayaran sebanyak \$1,002 juta. Tetapi dalam keadaan ekonomi yang meleset dan merosot ini bolehkah sesiapa pun atau mana-mana satu pihak menunjukkan suatu rekod yang boleh dibandingkan dengan Malaysia yang boleh memperlindung negara kita daripada dipengaruhi perkembangan dan pertumbuhan ekonomi yang begitu membimbangkan kita.

Tuan Speaker, dari segi umumnya GNP kita masih merasa puas hati dan merasa bangga kerana kita boleh mencapai matlamat 6.9% atau dari segi KNDK (Gross Domestic

Product) kita pun sanggup mencapai matlamat 6.8%.

Tuan Speaker, ini adalah merupakan satu rekod yang perlu dibanggakan oleh semua rakyat Malaysia. Jika Kerajaan sanggup membentangkan suatu belanjawan yang menguntungkan majoriti golongan yang berpendapatan rendah ini Kerajaan tidak diberikan pujian sebaliknya dituduh sebagai belanjawan bercorak pilihanraya. Saya fikir ini adalah sangat-sangat tidak adil dan tidak mengenang jasa baik pihak Kerajaan. Tetapi dari reaksi rakyat, oleh semua lapisan rakyat kita lihat mereka adalah mengucapkan syabas kepada Kerajaan dalam keadaan yang begitu susah dan rumit kita masih sanggup membebaskan rakyat dari mengalami kemelesetan ekonomi ini.

Tuan Speaker, di sini saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan dan khasnya kepada Menteri Kewangan umpamanya dalam belanjawan yang dibentangkan pada Jumaat yang lepas ada 5 jenis cukai telah dipertimbangkan umpamanya cukai jualan, cukai import, cukai tokok. Sekatan cukai terlibat 150 items umpamanya barang makanan, bahan binaan, bahan untuk menolong kaum petani dan nelayan menikmati segala subsidi dan bantuan dan faedah yang diberi. Bolehkah belanjawan ini dikatakan belanjawan yang tidak baik yang anti-rakyat yang dikatakan bercorak pilihanraya?

Tuan Speaker, dalam perkara ini saya harap kesemua pihak baik apa pihak pun haruslah bersikap realistik dan jangan minta keterlampauan sehingga kita cuba menolong rakyat Malaysia dapat membebaskan diri daripada menghadapi keadaan yang begitu rumit dan susah ini sehingga Kerajaan dituduh. Saya fikir perkara ini bolehlah dibetulkan oleh semua pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya perlu membincangkan beberapa perkara yang saya fikir adalah mustahak yang ada kaitan dengan pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara kita, khasnya dalam hubungan pembinaan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya memang memahami jika kita sudah mengkaji Laporan Ekonomi yang

diberikan ini, kita tentu akan mengakui bahawa negara kita sedang menghadapi keadaan ekonomi yang sangat rumit di mana jumlah pengeksportan, umpamanya, getah sudah turun sebanyak 10.5%, kayu-kayan lebih kurang 12% dan bijih timah 10.3% dan semua ini adalah merupakan 30% daripada jumlah pengeksportan dari barang-barang mentah Malaysia tetapi kita masih sanggup melihat bahawa ekonomi kita tidak begitu terjejas. Di samping itu, saya harap Kerajaan boleh mengambil berat dari segi pinjaman atau hutang Malaysia yang ada. Umpamanya, hingga tahun 1981 jumlah hutang Malaysia adalah berjumlah sebanyak \$29,324 juta. Walaupun hutang pinjaman ini atau hutang ini adalah 73%, 6% daripada pinjaman itu ialah daripada EPF dan institusi-institusi dan badan-badan tempatan dan hanya 26.4% daripada negara-negara asing, di sini kita perlu mempersoalkan kadar pinjaman ini sudah meningkat naik sebanyak 26.8%.

Saya tidak menuduh Kerajaan bahawa kita masih dalam satu keadaan yang begitu membimbangkan—pinjaman begitu besar, kita pinjam baik dari badan-badan tempatan atau negeri asing. Memang kita memerlukan banyak wang untuk melaksanakan segala projek pembangunan sosio-ekonomi untuk mempermodenkan kelengkapan pertahanan negara kita dan lain-lain projek yang ada berkaitan kepentingan rakyat, tetapi jangan lupa Malaysia adalah sebuah negara yang sangat terkaya dengan sumber kekayaan alam semulajadinya. Jika kita ada mengkaji sumber-sumber yang kita perolehi dari getah, bijih timah, minyak mentah dan lain-lain atau hasil yang kita perolehi dari dalam negeri kita, kita tentu dapat melihat bahawa hasil yang kita perolehi ini boleh cukup untuk menanggung perbelanjaan negara kita untuk tahun 1982.

Saya harap Kerajaan kita boleh berwaspada dari segi pinjaman atau hutang yang kita pinjam itu, kerana mengikut purata yang berasaskan pada jumlah penduduk yang ada di Malaysia lebih kurang setiap rakyat terpaksa membayar \$1,000 hutang untuk perbelanjaan negara kita. Ini adalah perkara yang perlu diperhatikan dan saya juga bimbang beberapa perkara yang ada dibincangkan dalam Laporan Odit Negara

di mana kita boleh lihat umpamanya Laporan 1977 dan beberapa Laporan Juru Odit Negara seperti N.S., Melaka, Johor, Sarawak dan Pulau Pinang, kita dapati kerana berlaku penyelewengan dan malpractices sehingga Kerajaan terpaksa mengalami berjuta-juta ringgit kerugian. Perkara ini perlu dibetulkan, Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan rakyat dan ekonomi negara kita. Sungguhpun Malaysia sangat kaya tetapi tidak seharusnya wang rakyat ini dibazir-bazirkan atau diboros-boroskan.

Sebanyak \$2,200 juta hingga tahun 1981 telah dipinjamkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri yang ada di Malaysia daripada Kerajaan Persekutuan, tentu wang-wang yang dipinjamkan itu perlu dipastikan ianya akan dikembalikan kepada Kerajaan Persekutuan. Jangan hanya dipinjam kemudian boleh dihapuskan. Kita perlulah memperkemas dan berwaspada dan berhati-hati untuk mengendalikan wang rakyat yang begitu susah kita dapat sekarang, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong bahawa sebanyak \$3.296 juta telah diperuntukkan untuk pelajaran dari segi Anggaran Perbelanjaan Mengurus seperti mana yang kita baca dalam Laporan Perbelanjaan yang diberikan, Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya perlu sentuh beberapa perkara yang saya fikir perlu diperhatikan oleh Kerajaan Pusat dan Kementerian Pelajaran. Memang wang sebanyak melebihi \$3,000 juta ini yang diperuntukkan ialah demi untuk pembangunan dan kemajuan pelajaran di negara kita, baik dari segi peringkat sekolah rendah hingga universiti. Memang wang ini sangat mustahak untuk memajukan pelajaran negara kita. Tetapi satu aspek yang perlu saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, khasnya Kementerian Pelajaran ialah mengenai pembaziran (manpower) ke lima-lima universiti, kerana terhadnya capacity ke lima-lima universiti tempatan yang ada di Malaysia. Setiap tahun, Tuan Yang di-Pertua, ada melebihi 5,000 hingga 9,000 rakyat Malaysia yang berkelayakan dan berpengalaman tetapi kerana terhadnya peluang-peluang di universiti tempatan permohonan mereka ditolak hingga dinafikan

peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di pelajaran tinggi.

Di sini saya hanya memberikan satu contoh. Saya hanya quote angka-angka rasmi yang diberikan oleh Menteri Pelajaran. Umpamanya, untuk tahun 1974 dan tahun 1975 ada seramai 5,911 rakyat Malaysia permohonan mereka untuk memasuki universiti sudah ditolak. Di antara angka ini adalah terdiri daripada, umpamanya, kaum bumiputera 2,991, bukan bumiputera 2,920. Tahun 1975 dan 1976 sebanyak 8,083 rakyat Malaysia permohonan mereka juga telah ditolak. Di antaranya terdiri daripada bukan bumiputera 3,879 dan bumiputera adalah 4,204 orang. Untuk tahun 1976, Tuan Yang di-Pertua, ada seramai 7,793 permohonan ditolak, di antaranya ialah bumiputera 4,127 dan bukan bumiputera 3,666. Untuk tahun 1977 seramai 8,767 rakyat Malaysia ditolak atau dinafikan peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka di universiti tempatan. Di antaranya ialah bumiputera 4,915 dan kaum bukan bumiputera ialah 3,852. Untuk tahun 1978 ada 9,294 orang ditolak, di antaranya bumiputera sebanyak 5,422 dan bukan bumiputera ialah 3,872. Untuk tahun 1979 kita lihat angka ini kian meningkat. Sebanyak 9,833 rakyat Malaysia yang mahu memasuki universiti tempatan kerana terhadnya peluang mereka adalah ditolak permohonannya. Di antaranya ialah sebanyak 4,955 terdiri daripada kaum bumiputera dan 4,878 adalah terdiri daripada rakyat bukan bumiputera. Dari angka-angka ini kita boleh melihat bagaimana seriusnya tenaga manusia yang berkelayakan ini telah dibazirkan dari satu aspek.

Aspek yang kedua ialah peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi untuk rakyat Malaysia adalah kian meningkat dinafikan. Di sini saya adalah merayu supaya Kementerian Pelajaran dan Kerajaan bolehlah memperluaskan kek pelajaran ini dan juga memperluaskan kapasiti-kapasiti yang ada di kelima universiti di Malaysia. Sungguhpun kita lihat di antara bilangan yang begitu besar rakyat Malaysia memohon setiap tahun, umpamanya, tahun 1974 ada 9,866 pemohon hanya 3,955 orang berjaya diterima. Pada tahun 1980 ada seramai 12,735 rakyat Malaysia memohon untuk mahu memasuki universiti tempatan tetapi yang

ditolak adalah melebihi 100%. Inilah satu perkara yang sangat membimbangkan kita. Malaysia sebagai negara yang membangun kita perlu memberikan lebih banyak peluang untuk rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran tinggi mereka di negara kita supaya mereka boleh diberi peluang untuk berkhidmat, berbakti dan berkorban untuk negara dan masyarakat kita kerana dalam nation-building ini kita sangat-sangat memerlukan tenaga manusia yang mahir, yang profesional untuk menolong Kerajaan melaksanakan segala projek pembangunan sosio ekonomi, khasnya tenaga manusia yang mahir dalam bidang doktor, engineer, akitek, teknisyen dan lain-lainnya. Apakah sebabnya kita tidak boleh memperluaskan kek pelajaran di bawah Dasar Ekonomi Baru dan juga memperluaskan kapasiti universiti yang ada di Malaysia? Kalau perlu cubalah menambah satu dua lagi universiti baru supaya rakyat Malaysia bolehlah diberikan peluang untuk memperlempangkan pengetahuan mereka.

Satu aspek lagi ialah mengenai komposisi kaum di antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Dari tahun 1974 hingga 1980 kita lihat jurang di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera kian meluas. Saya menyokong segala usaha Kerajaan untuk memberikan peluang kepada kaum bumiputera kepada anak Melayu kita mempertingkatkan taraf pelajaran mereka supaya mereka juga bolehlah bersama-sama menikmati segala faedah daripada usaha pembangunan negara kita tetapi peluang untuk bukan bumiputera juga perlu diperhatikan.

Di sini saya harap Kerajaan boleh menyeimbangkan pengambilan pelajar di antara bumiputera dan bukan bumiputera supaya semua rakyat tak kira apa kaum pun, tak kira apa keturunan mereka, tak kira apa kepercayaan agama mereka asalkan mereka rakyat Malaysia maka peluang perlulah diberikan kepada mereka supaya Malaysia boleh benar-benar menjadi sebuah negara yang maju sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Malaysia hanya boleh maju dengan semua rakyat Malaysia diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran tinggi mereka. Kita boleh lihat di Jepun, di Taiwan, di

Korea, di Eropah, di United Kingdom apa sebab negara-negara itu maju, makmur, kerana peluang pelajaran rakyat mereka adalah diperluaskan dan jika rakyatnya mahu menuntut pelajaran tinggi ini mereka adalah diberikan peluang yang sewajarnya. Saya fikir satu jalan yang paling positif dan berkesan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang maju, makmur dan bersatu padu sepertimana yang dikehendaki oleh Kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah melalui pelajaran. Saya harap dasar pelajaran kita bolehlah dikaji semula supaya bagaimana kita boleh bersama-sama untuk mengkaji bagaimana kek pelajaran ini diperluaskan tanpa mengeksplotasikan kepentingan mana-mana satu kaum.

Di sini saya sudah menyatakan berkali-kali, baik dalam Dewan atau luar Dewan, kita semua rakyat Malaysia termasuk keturunan Cina adalah menyokong sepenuhnya segala usaha dan bantuan daripada Kerajaan untuk kaum bumiputera untuk mempertingkatkan taraf pelajaran mereka, untuk memperbaiki taraf pelajaran mereka tetapi mereka juga adalah menuntut bahawa peluang yang sama bolehlah diberikan kepada mereka, iaitu melalui pengluasan kek pelajaran.

Di samping itu saya juga hendak menarik perhatian Kementerian Pelajaran ialah masalah yang dihadapi oleh sekolah-sekolah rendah di Malaysia, baik di bandar atau di luar bandar. Sungguhpun kita sekarang adalah mempunyai 4,531 buah sekolah kebangsaan di luar bandar tetapi sebahagian besarnya masih belum diperlengkapkan, umpamanya alat perkakas pengajaran yang moden dan lain-lainnya, serta fasiliti-fasiliti yang diperlukan juga masalah yang sama dihadapi oleh 1,311 buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) yang ada di bandar dan luar bandar di mana kita boleh lihat kebanyakan sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) ini sangat kekurangan guru-guru yang terlatih, sangat kekurangan peruntukan daripada Kerajaan, kerusi meja mereka pun sangat buruk keadaannya dan kelengkapan persekolahan dan pengajaran pun sangat berkurangan. Saya harap Kerajaan bolehlah memberikan perhatian

yang sewajarnya kepada sekolah kebangsaan yang ada di luar bandar dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) yang ada berjumlah 583 buah sekolah Tamil yang ada di Malaysia. Saya harap peruntukan-peruntukan pelajaran yang diperuntukkan kepada ketiga-tiga jenis kategori sekolah ini bolehlah diperseimbangkan kerana kesemua sekolah ini adalah daripada aliran pelajaran negara kita.

Demi kepentingan pembinaan negara kita (for our nation building), saya harap Kementerian Pelajaran bolehlah memberi lebih banyak peruntukan kepada Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan (Cina), ini juga termasuk sekolah menengah persendirian, iaitu "Too Chong". Sungguhpun Malaysia hanya mempunyai 53 sekolah menengah persendirian yang terdiri daripada lebih kurang 35,000 bilangan pelajarinya sungguhpun ini adalah merupakan satu private secondary schools, tetapi mereka juga adalah terdiri daripada rakyat Malaysia yang melanjutkan pelajaran mereka di sekolah-sekolah ini dan juga mereka ada banyak membuat sumbangan kepada negara kita. Saya harap Kerajaan boleh mengkaji semula bagaimana sekolah-sekolah menengah persendirian ini bolehlah dimasukkan dalam aliran pembangunan pelajaran negara kita supaya rakyat yang terdiri daripada sekolah-sekolah ini boleh diberikan peluang untuk berkhidmat dan menyumbang kepada negara dan masyarakat yang mereka cintai. Mahu tak mahu satu fakta yang perlu diakui ialah mereka adalah rakyat Malaysia yang tulin, mereka bukanlah rakyat yang lain. Saya harap perkara ini jika boleh diambil berat oleh Kerajaan mengenai pelajaran baik pelajaran tinggi, menengah dan rendah.

Satu perkara lagi yang setiap kali ada disebut-sebutkan dan juga dijadikan sebagai isu yang sangat kontroversial ialah mengenai komposisi kaum dalam perkhidmatan awam negara kita.

Saya juga adalah perlu mengatakan bahawa kita adalah menyokong lebih banyak peluang diberikan kepada kaum bumiputera untuk mempelajari dan berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam kita tetapi saya harap

satu trend iaitu komposisi kaum ini adalah kian meluas. Umpamanya pada angka yang diberikan pada Disember, 1980 kita boleh lihat di dalam Kerajaan Persekutuan:

<i>Kumpulan A—</i>	<i>Bilangan</i>
Bumiputera .. .. .	12,173
Cina .. .. .	7,765
India .. .. .	3,142
Lain-lain kaum .. .. .	426
<i>Kumpulan B—</i>	
Bumiputera .. .. .	11,741
Cina .. .. .	7,075
India .. .. .	1,718
Lain-lain kaum .. .. .	235
<i>Kumpulan C—</i>	
Bumiputera .. .. .	86,561
Cina .. .. .	35,855
India .. .. .	11,749
Lain-lain kaum .. .. .	1,147
<i>Kumpulan D—</i>	
Bumiputera .. .. .	109,230
Cina .. .. .	11,169
India .. .. .	17,449
Lain-lain kaum .. .. .	1,222

Ini adalah dari peringkat Kerajaan Pusat di mana kita boleh lihat tidak begitu seimbang komposisi kaum. Di peringkat Kerajaan Negeri kita boleh lihat:

<i>Kumpulan A—</i>	<i>Bilangan</i>
Bumiputera .. .. .	668
Cina .. .. .	313
India .. .. .	20
Lain-lain kaum .. .. .	19
<i>Kumpulan B—</i>	
Bumiputera .. .. .	1,082
Cina .. .. .	548
India .. .. .	124
Lain-lain kaum .. .. .	33
<i>Kumpulan C—</i>	
Bumiputera .. .. .	12,998
Cina .. .. .	3,335
India .. .. .	804

	<i>Bilangan</i>
Lain-lain kaum .. .. .	224
<i>Kumpulan D—</i>	
Bumiputera .. .. .	40,665
Cina .. .. .	2,699
India .. .. .	6,982
Lain-lain kaum .. .. .	426

Tuan Speaker, saya bukan hendak mempersoalkan apa sebab Kerajaan tidak memperseimbangkan komposisi kaum dalam Perkhidmatan Awam kerana saya harap Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum baik apa bidang pun, baik dalam ekonomi, pelajaran, pertahanan, keselamatan, saya harap komposisi kaum ini perlulah diambil berat.

Saya juga merasa kesal bahawa dalam bidang pertahanan umpamanya polis dan tentera bilangan orang Cina yang mengambil bahagian sangat tidak memuaskan. Saya tidak menuduh atau menyalahkan Kerajaan. Yang perlu disalahkan ialah orang Cina sendiri, kaum itu sendiri kerana mereka tidak menyedari betapa mustahaknya peranan yang mereka akan mainkan demi keselamatan dan pertahanan negara kita. Di Dewan yang mulia ini saya mengambil kesempatan ini ialah menyeru rakyat yang berketurunan Cina seperti saudara bumiputera kita bolehlah bersama-sama untuk mempertahankan keutuhan dan kedaulatan negara kita baik dalam bidang polis atau bidang tentera. Perkara ini saya harap boleh diambil berat.

Tuan Speaker, satu point lagi saya akan sentuh ialah mengenai Pasukan Keselamatan Negara kita. Saya memang bersetuju bahawa lebih kurang satu jumlah yang besar telah diperuntukkan untuk pertahanan. Seperti mana yang kita boleh lihat dalam ringkasan Anggaran Belanjawan 1982 di mana kita boleh rujuk kepada muka keempat sebanyak \$6,879.9 juta telah diperuntukkan untuk penggunaan pertahanan dan keselamatan negara kita. Saya yakin semua rakyat Malaysia akan menyokong sepenuhnya lebih banyak peruntukan perlu diberikan walaupun kita tahu peruntukan ini khasnya dari perbelanjaan mengurus telah menduduki

19.2% daripada jumlah perbelanjaan mengurus. Ini betul. Ini memang sangat wajar memandangkan pergolakan politik di rantau ini, kita perlu memperlengkap dan mempermodenkan Pasukan Keselamatan negara kita dengan alat senjata yang moden dan juga kelengkapan-kelengkapan yang boleh sanggup mempertahankan negara kita.

Di sini saya perlu menarik perhatian, Tuan Speaker, peruntukan memang sangat mustahak. Kelengkapan pun sangat mustahak diperuntukkan atau diperlengkapkan bagi Pasukan Keselamatan Negara kita tetapi disiplin pun sangat mustahak. Saya cuba menimbulkan perkara ini ialah kerana berlakunya baru-baru ini di Kota Melaka di mana seorang bus inspector dari Syarikat Foh Hup Sdn Bhd bila hendak memeriksa adakah sesiapa yang masih belum membayar tambang bas mereka, tetapi sangat dukacitanya dimaklumkan, Tuan Speaker, ada personnel tentera kita dari Terendak Kem telah menyalahgunakan kuasanya untuk menumbuk dan kick the bus inspector. Perkara ini tidak seharusnya berlaku pada Pasukan Keselamatan negara kita kerana tentera adalah merupakan satu pasukan yang sangat mustahak untuk mempertahankan keutuhan dan kedaulatan negara kita termasuk hartabenda dan nyawa rakyat Malaysia. Jika ada segelintir personnel tentera yang selalu terlibat dalam kes-kes untuk mengganggu, memukul orang ramai seperti di perhentian bas di Jalan Kilang, Melaka, kadang-kadang mereka keluar adalah merupakan satu kebebasan mereka tetapi tidak seharusnya apple dan orange diambil, wang tidak dibayar atau bas belum sampai stesennya pun diorder untuk berjalan. Semua ini sudah berlaku di kawasan-kawasan yang sangat sensitif, Tuan Speaker.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Umpamanya di Kota Melaka ada satu Pasukan Komando pernah mengganggu orang ramai yang terdiri melebihi 100 orang, di Johor Bahru dan di Kajang baru-baru ini. Saya harap disiplin Pasukan Keselamatan negara kita perlulah diperbaiki dan dipertingkatkan supaya jangan membiarkan seorang dua atau segelintir orang yang kerana

tindak tanduk mereka ini akan menjejaskan imej baik Pasukan Keselamatan negara kita. Saya harap Kerajaan boleh mengambil berat apa yang dikatakan oleh bekas Ketua Pembangkang Parlimen iaitu Tan Sri Dr Tan Chee Khoo dalam satu forumnya dalam "The Star" baru-baru ini, memang kita boleh menafikan beberapa tuduhannya tetapi beberapa bahagian di antara forumnya dalam "The Star" perlulah diambil berat dan diperhatikan.

Tuan Speaker, di sini saya juga perlu menyentuh sedikit tentang apa yang kita bincangkan petang tadi dari jawapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang ada berkaitan dengan pendatang haram.

Tuan Speaker, mahu tak mahu satu kenyataan perlu diperakui oleh kita semua bahawa keadaan yang dibawa oleh pendatang-pendatang haram baik dari mana pihak pun khasnya daripada Indonesia sudah menimbulkan satu suasana yang sangat membimbangkan iaitu aktiviti-aktiviti jenayah yang dilakukan. Sungguhpun kita masih belum dapat mengesani siapakah mereka yang terlibat untuk merompak, umpamanya bekas Gabnor Pulau Pinang dan juga Datuk Bandar dan lain-lain dan juga beberapa kes bunuh membunuh, rompak merompak juga berlaku yang ada melibatkan pendatang-pendatang haram dari Indonesia. Sungguhpun kita tidak tahu apakah bilangan yang sebenarnya tetapi Kerajaan perlu memperketatkan rondaannya di sepanjang pantai laut di Selat Melaka.

Saya tidak bersikap supaya kita berkonfrontasi dengan mana-mana rakyat, mana-mana negara. Sebenarnya saya lebih suka rakyat dari rantau ini dari seluruh dunia boleh datang ke Malaysia untuk menyaksikan kemajuan yang dicapai oleh negara kita, tetapi tidak seharusnya dibenarkan mereka masuk baik secara sengaja atau tidak sengaja sehingga mengorbankan kepentingan keamanan kehidupan rakyat biasa. Perkara ini perlu dilayani dengan tindakan yang segera supaya mereka yang datang ke Malaysia secara haram itu boleh dipulangkan ke negara asal mereka baik dari Filipina, Indonesia, Vietnam atau Indo-China, jika

mereka ada automatic choice. Tetapi apa yang berlaku di Malaysia hari ini sangat-sangat membimbangkan seperti di Sabah khususnya dan di Semenanjung Malaysia, di Petaling Jaya, di Kuala Lumpur dan di Johor beberapa kes yang sangat membimbangkan itu masih belum diatasi dengan tindakan yang sewajarnya daripada pihak polis.

Saya tidak mempersoalkan dasar pendatang haram atau pelarian ke negara kita. Apa yang saya titik-beratkan ialah kepentingan, keharmonian dan keamanan kehidupan negara kita khasnya kepentingan rakyat yang dahulunya boleh merasa selamat berjalan di tengah-tengah malam tetapi sekarang rumah mereka terpaksa dipasang dengan iron bars dan juga sehingga mereka menonton TV di rumah pun selalu diganggu dan diancam oleh aktiviti-aktiviti jenayah yang dibawa oleh pendatang haram itu.

Saya harap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan kita bolehlah memperketatkan kawalan keselamatan negara kita khasnya ancaman yang dibawa oleh pendatang haram ke negara kita.

Tuan Speaker, satu aspek yang akan saya sentuh ialah mengenai perkhidmatan kesihatan. Satu aspek, satu issue yang selalu dibangkitkan ialah mengenai "brain drain" yang berpunca dari pakar perubatan dan pegawai perubatan lari dari negara kita. Kita perlu mengambil berat apakah sebabnya sejak tahun 1974-1980 ada sebanyak 127 orang pakar perubatan sudah meninggalkan perkhidmatan di General Hospital, Malaysia dan seramai 972 pegawai perubatan juga meletakkan jawatan. Ini adalah merupakan satu jumlah yang sangat besar bagi Malaysia untuk melihat mereka terus meletakkan jawatan tanpa mengambil tindakan yang sewajarnya. Kementerian Kesihatan perlu menubuhkan satu jawatankuasa khas, walaupun sudah ditubuhkan untuk mengesani sebab musabab yang mengakibatkan begitu ramainya pakar perubatan dan pegawai perubatan meletakkan jawatan di General Hospital di Malaysia. Adakah disebabkan kerana syarat-syarat perkhidmatan tidak memuaskan adakah gaji dan elaun atau disebabkan

kerana skim promotion dan perlanjutan further study dan sebagainya.

Apa yang saya diberitahu umpamanya kebanyakan merasa dukacita dan disappointed bahawa apabila mereka memangku satu-satu jawatan mereka tidak dibayar apa-apa elaun dan selama ini mereka juga tidak diberi satu peluang untuk disahkan (confirmed) jawatan sebagai registrar atau state physician, kesemuanya perlu diambil berat.

Pada satu pihak Malaysia mengalami sangat kekurangan doktor tetapi pada pihak yang lain umpamanya menurut laporan MMA, masih ada mempunyai sekurang-kurangnya 55 doktor yang bersuamikan rakyat warganegara Malaysia yang berkelayakan tetapi mereka tidak diberi peluang untuk berkhidmat dengan negara kita. Isteri-isteri asing ini sungguhpun ada menghadapi masalah Imigresen tetapi saya yakin kalau negara kita memerlukan perkhidmatan mereka, tentu kita boleh memberikan satu temporary offer supaya mereka boleh berkhidmat di General Hospital kita, semuanya 55 doktor ini adalah berkelayakan dan berpengalaman menurut rekod yang saya siasat.

Saya harap Menteri Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam boleh mengkaji semula kes-kes ini supaya doktor-doktor yang masih menganggur (jobless), saya fikir ini satu keadaan yang sangat anih. Malaysia sangat kekurangan doktor tetapi ada doktor yang menganggur kerana syarat-syarat yang saya sebutkan, demi kepentingan rakyat dan negara kita. Saya harap keadaan ini boleh dibetulkan. Dan juga saya merayu supaya doktor-doktor yang berkelayakan sungguhpun ijazahnya tidak diiktiraf oleh negara ini, umpamanya doktor dari India, Taiwan dan dari negara-negara jiran bolehlah diberi peluang untuk berkhidmat, kerana mereka adalah terdiri dari warganegara Malaysia. Janganlah kita hanya meminjam atau mengkaji doktor-doktor dari negara asing tetapi warganegara sendiri sudah dinafikan peluangnya.

Satu perkara yang saya perlu minta penjelasan daripada Kementerian Kesihatan ialah kalau kita kata doktor yang berijazah

tidak boleh diiktiraf atau tidak boleh diterima untuk memasuki perkhidmatan awam kita, apakah sebabnya Malaysia sudah menghantar sebilangan pelajar yang agak besar ke Belgium di mana setahu saya ijazah mereka tidak diakui dan tidak diiktiraf oleh negara kita. Saya harap perkara ini boleh dijelaskan supaya jangan satu masalah yang rumit ini akan berlaku seperti yang tertimpa kepada rakyat Malaysia yang sudah tamat belajar kedoktoran mereka di Taiwan, India dan Pakistan itu masih menghadapi masalah pengangguran.

Tuan Speaker, di sini saya perlu sentuh satu lagi issue, satu masalah yang saya sendiri selalu hadapi di kawasan saya di Kota Melaka ialah mengenai masalah kerakyatan atau kewarganegaraan. Memanglah saya perlu menghormati, ini adalah merupakan satu perkara "as of right" seperti mana yang ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Tuan Speaker, saya dapati majoriti mereka sudah lama tinggal dan hidup di negara kita. Di antaranya mereka sudah beranak dan ada yang sudah bercucu tetapi mereka sudah melebihi 8-10 tahun memohon kerakyatan masih tidak dapat dipertimbangkan. Saya memang bersetuju bahawa dari segi keselamatan, dari kepentingan negara, perkara ini perlu diteliti dengan seteliti-telitinya tetapi memandangkan mereka begitu susah dalam keadaan untuk mencari pekerjaan, untuk mencari sumber pendapatan untuk boleh merasa selamat atau sense of belonging kepada negara kita, apakah sebabnya Kerajaan negara kita tidak boleh dari segi perikemanusiaan untuk mengadakan satu peluang untuk bersedu bakti, berkhidmat kepada negara yang mereka cintai.

Saya fikir boleh melalui berbagai upacara, umpamanya, bersumpah, berikrar kepada negara kita, tetapi bila mereka sudah berbuat demikian tidak diberikan peluang. Sungguhpun saya tidak dapat satu bilangan yang rasmi lebih kurang satu angka yang konservatif adalah melebihi 200,000 orang, bagaimana mereka hendak hidup jika mereka tidak diperakui taraf kerakyatannya tanpa pengkiraan latarbelakang politik dan lain-

lain. Saya harap Kerajaan baru di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri bolehlah menunjukkan satu rekod yang boleh dibanggakan oleh rakyat kita dan juga oleh seluruh dunia iaitu memberikan satu peluang untuk mereka boleh hidup sebagai rakyat Malaysia dalam tanahair kita termasuk mereka yang terdiri daripada isteri-isteri asing yang bersuamikan warganegara Malaysia. Saya harap Jabatan Imigresen boleh mempertimbangkan atau bertimbang rasa, jangan hanya memerintah keluar isteri-isteri asing yang hamil ini—ini nampaknya sangat kejam, Tuan Speaker. Jika satu keluarga yang terdiri dari isteri dan anak mereka, bila mereka sudah hamil (mengandung) mereka dinasihatkan meninggalkan Malaysia selepas mereka bersalin, nampaknya ini akan menjejaskan imej Kerajaan kita.

Tuan Speaker, saya tidak akan mencabar atau mempersoalkan hak keistimewaan seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita atau mempersoalkan "as of right" seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Saya hanya merayu dari segi perikemanusiaan bagi pihak mereka yang terlibat. Sebagai Wakil Rakyat saya adalah bertanggungjawab untuk menunaikan kewajipan dan tugas saya untuk menyampaikan segala jeritan dan penderitaan mereka, mereka tidak mendesak—tidak. Mereka hanya merayu Kerajaan kita dapat memberikan satu peluang untuk mereka berkhidmat dan berbakti kepada negara kita sahaja.

Tuan Speaker, akhirnya, saya perlu sentuh satu point iaitu mengenai satu isu perkauman, satu trend perkauman dan yang dianggap sangat membimbangkan negara kita. Malaysia sebagai negara yang berbilang kaum sejak kemerdekaan selama 24 tahun ini, kita dapat menikmati hasil keharmonian hidup semua rakyat yang berbilang bangsa dalam sebuah keluarga yang kecil ini, janganlah kita membiarkan segala keharmonian kehidupan ini dibinasakan atau dijahanamkan oleh segelintir politikus yang tidak bertanggungjawab. Saya harap Kerajaan boleh bertindak tegas terhadap

semua pihak, sama ada pihak pemerintah atau pihak Pembangkang atau apa-apa badan pun asalkan kalau mereka melanggar undang-undang negara kita akan mengancam kestabilan dan keselamatan negara kita, mereka perlulah diberikan amaran atau dihukum. Saya harap Ketua Pemuda UMNO boleh mempunyai lebih banyak peluang sepertimana yang dikatakannya sendiri dia bukan seorang yang extremist dan apa niat yang disuarakannya adalah demi kepentingan negara.

Memang kita boleh memahami apa yang dikatakan oleh Ketua Pemuda UMNO, tetapi daripada pandangan rakyat, dari reaksi rakyat, saya fikir adalah bertanggungjawab untuk menyampaikan message daripada rakyat kepada Ketua Pemuda UMNO, kita perlulah berwaspada terhadap sensitiviti-sensitiviti yang ada di negara kita baik dalam bidang ekonomi, pelajaran, keagamaan dan lain-lain. Perkara ini hanya boleh dijelaskan, dinafikan melalui satu siri tindakan yang jujur. Saya harap semua pihak tidak kira apakah bakti politik mereka, jika tidak apakah idea-idea atau fahaman mereka, kita semua adalah bertanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara kita. Kalau kita hanya asyik untuk bermain api perkauman, mungkin negara kita akan dijahamkan.

Satu lagi perkara ialah mengenai ucapan dan kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Wan Mansor, pada 12hb Ogos, apabila Ketua Setiausaha Kementerian memberikan taklimat kepada 32 pemuda daripada Arab Saudi di mana ucapan-ucapannya yang tidak seharusnya sudah dikeluarkan. Ini adalah sangat-sangat menyinggung perasaan rakyat yang bukan Islam atau yang memeluk agama Islam malah boleh dikatakannya bahawa matlamat atau niat utama Kerajaan ialah mahu menjadikan Malaysia sebagai Islamic State. Bagaimana pula boleh dikatakan satu proses yang mungkin akan memakan masa untuk mencarikan separuh penduduk Malaysia sebagai penduduk yang menganut agama Islam, Tuan Speaker, saya rasa perkara ini perlu diberikan perhatian yang serius daripada Kementerian yang berkenaan. Saya tidak mahu melihat sesiapa pun atau mereka

yang terdiri dari apa politik pun atau daripada mana-mana kakitangan Kerajaan sama ada kanan, pertengahan, rendah jangan mengeluarkan satu kenyataan yang boleh membawa satu reaksi yang sangat sensitif terhadap lain-lain kaum, mungkin ini boleh menyenangkan segelintir orang sahaja. Walau bagaimanapun, majority rakyat kita yang ada di Malaysia kita yang berbilang agama, adat istiadat, kebudayaan, saya harap Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh bertindak secara disiplin terhadap Ketua Setiausaha Kementerian yang berkenaan. Saya tidak akan mengejek sesiapa pun yang cuba menggunakan kesempatan ini untuk menjahanamkan keharmonian, kehidupan negara kita.

Tuan Speaker, akhirnya, saya adalah menyatakan sokongan yang sepenuhnya dan kepercayaan sepenuhnya terhadap pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dan juga tidak ketinggalan saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sanggup membentangkan satu Belanjawan yang berjiwa rakyat, yang boleh membebaskan rakyat daripada mengalami satu suasana ekonomi yang begitu meleset. Saya harap kepada semua rakyat bolehlah bersama-sama mengucapkan syabas kepada Kerajaan kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.00 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Belanjawan yang telah dikemukakan oleh Menteri Kewangan pada 23 haribulan yang lepas.

Selepas sama-sama kita mendengar apa yang telah dibentangkan maka ini telah menjadi kenyataan bahawa Belanjawan tahun ini tidak memberatkan kepada rakyat. Bahkan saya percaya boleh dikatakan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Kerajaan kita baik tahun mana sekalipun namun kepada rakyat tentulah dititikberatkan. Kalau tidak masakan Kerajaan hari ini dapat kepercayaan yang

sepenuhnya daripada rakyat. Tetapi sebagaimana yang dikatakan oleh wakil Kota Melaka tadi namun telah menjadi adat kepada alam orang-orang yang tidak suka tadi dia cari alasan apa yang patut dia kata dan bagi orang yang suka pula begitulah sebaliknya. Tetapi bagi saya, saya perhatikan boleh dikatakan tiap-tiap tahun Belanjawan tidak memberatkan kepada rakyat termasuklah juga Belanjawan pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, di antara pengecualian-pengecualian yang dinyatakan oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawannya ialah berkenaan dengan minyak wangi dan khasnya berkenaan dengan perhiasan. Saya amat berharap kepada dua perkara kerana saya tahu perniagaan ini dikatakan oleh setengah orang macam perniagaan "manik-koran" dan dari segi perniagaan, perniagaan "manik-koran" ini boleh dikatakan keuntungannya amatlah banyak dan ini boleh dikatakan dipakai oleh kebanyakan golongan bumiputera walaupun ada golongan-golongan lain yang memakainya. Jadi saya berharap seperti saya katakan dua perkara tadi; satu di segi ekonomi kerana kita akan mensembangkan dalam negara kita di segenap segi—di segi pelajaran, di segi ekonomi dan sebagainya walaupun Kerajaan telah membuatkan berbagai-bagai rancangan namun mengikut kadar keadaan kepada penduduk Malaysia, kepada bumiputera masih rendah lagi di segi ekonomi juga di segi pelajaran. Jadi saya berharap sangat sebagaimana saya katakan tadi di segi pengecualian cukai ini hendaklah barang-barang yang dikecualikan itu diberi had atau kadar yang tertentu kepada bumiputera untuk menjadi pengedar ataupun pembekal tunggalnya sekurang-kurangnya 50% supaya bolehlah orang yang memakai itu di samping kaum itu juga boleh menambahkan di segi ekonomi sebagaimana saya kata untuk mengseimbangkan tadi.

Perkara yang kedua, dari segi rumahtangga kalaulah suaminya memakai minyak wangi begitu juga sebaliknya isteri memakai segala perhiasan, ini membawakan perpaduan, membawakan kasih mesra suami isteri itu bertambah erat lagi. Kalau boleh jadikanlah

perhiasan yang dikecualikan oleh Kerajaan itu untuk kebaikan kepada segi keluarga kerana saya faham sebagai seorang manusia perhiasan ini amatlah mustahak kerana dengan perhiasan inilah menarik salah satu kaum, salah satu jenis ke satu jenis baikpun di segi luar apatah lagi di segi rumahtangga. Jadi saya berharap segi pengecualian ini akan menambahkan dua segi; satu di segi ekonomi dan yang kedua di segi pertalian kekeluargaan akan bertambah erat dengan apa-apa perhiasan yang telah dikecualikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana banyaknya peruntukan yang telah diluluskan itu ialah bergantung kepada pelaksanaan. Sekiranya pelaksanaan tidak dapat dilaksanakan dengan baik maka kelulusan itu tinggallah kelulusan kerana yang akan melaksanakannya itu adalah pegawai-pegawainya dan kalau silap-silap melaksanakan tugas dengan tidak mengikut aturan dan peraturan maka padahnya tidak baik pula kerana satu-satu perbuatan itu bukanlah semata-mata bergantung kepada tempat tetapi bergantung kepada disiplin, aturan dan peraturan. Dengan sebab itu pada pendapat saya segi pelaksanaan adalah satu perkara yang penting, satu perkara yang wajib untuk melaksanakan segala kelulusan yang telah dibentangkan pada 23 haribulan baikpun di segi Belanja Mengurus begitu juga di segi Perbelanjaan Pembangunan. Ini bergantung kepada pelaksanaan. Orang yang akan melaksanakan itu ialah pegawai-pegawai Kerajaan, walaupun kita sebagai Wakil Rakyat, sebagai parti pemerintah yang membuat dasar tetapi dasar itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik, tidak dapat ditengok dengan baik melainkan sesudah pegawai-pegawai Kerajaanlah yang akan melaksanakan segala keputusan-keputusan yang telah diputuskan itu.

Dengan sebab itu saya berharap sangat kepada Pesuruhjaya Perkhidmatan Awam juga badan-badan perkhidmatan awam mencukupkan pegawai-pegawai di tiap-tiap pejabatnya. Kalaulah pejabat-pejabatnya tidak cukup pegawai perkara ini tidak dapat hendak dilaksanakan. Yang menyedihkan setahu saya ada dua tiga masalah. Masalah pertama ialah pegawainya tidak begitu cukup

dan kadang-kadang bila tidak cukup pegawai maka setengah pegawai yang kanan diberi tempat sebagai pemangku selepas diuji beberapa syarat yang berkenaan. Tetapi malangnya pemangku itu biasa berlaku sampai 3 tahun, sampai biasa jadi pemangku tetapi tidak ditetapkan atau tidak diiktirafkan pangkatnya yang berkenaan. Saya berharaplah seseorang pegawai kalau ketuannya tidak ada maka sesudah seorang itu jadi pemangku, biarlah kadar masa yang berpatutan hendaklah diiktiraf orang yang berkenaan. Janganlah sesudah ia jadi pemangku maka orang lain pula mengambil tempatnya. Tidak bersesuaian sangat kalau satu orang itu jadi pemangku, bila ada orang lain ganti pemangku itu turun balik ke bawah. Ini menyedihkan bagi tiap-tiap manusia yang memangku jawatan yang berkenaan.

Yang kedua di segi pengambilan pegawai baik pegawai besar atau pegawai kecil. Saya berasa amat dukacita kadang-kadang dalam temuduga dinyatakan: "Tuan di dalam simpanan". Sesudahnya ada temuduga kembali maka diambil orang lain pula, yang simpanan tadi tidak diambil. Ini merugikan dua perkara. Rugi yang pertama kerana terpaksa ditemuduga semula: rugi yang kedua menyedihkan perasaan manusia tadi yang dia tahu dalam simpanan. Saya berharap kalau satu-satu temuduga baik bagi satu jawatan mana sekalipun hendaklah simpanan itu diambil; jangan bila dipanggil temuduga, sesudah orang yang dalam simpanan itu tidak dipanggil kalaulah mereka itu berumur 23 tahun, syarat habis cukup umur boleh menjawat jawatan Kerajaan maka sesudah itu tentulah tidak boleh kerana selepas itu dipanggil orang lain pula. Jadi utamakanlah mengikut sistem selepas 1, 2, 3 dan 4 kecuali sampai 4-5 tahun; itu terpulang mengikut keadaan yang tertentu, Ini saya harap sangat sebagaimana saya tegaskan tadi segala dasar yang baik tidak dapat hendak berjalan melainkan perlaksanaan itulah syarat yang pertama baik pun di segi pejabat Kerajaan termasuk juga di segi Pejabat Pelajaran dan sebagainya. Ini banyak sangat berlaku di segi tidak mengiktiraf sampai bertahun-tahun kerana pada saya kalau perkara ini tidak boleh cukup maka segala-galanya tidak dapat selesai.

Sebagaimana kita tengok hari ini, kita berkehendakkan projek berjalan dengan segera, segala rancangan berjalan dengan lancar tetapi hendak menjalankannya bergantung kepada pegawai. Kalau pegawai tidak cukup ini padahnya. Yang kedua saya berharap juga kalau boleh pegawai-pegawai Kerajaan ramai yang baik yang saya percaya biasa sampai pukul 5.00 petang baru balik; pukul 7.30 pagi sudah sampai di pejabat tetapi maklumlah manusia seperti kata pepatah: Nyiur semayang masakan semuanya baik. Saya tidak tahulah kalau kerana satu ditebuk tupai yang lain 'semua dikatakan tidak bagus; tetapi ada di antaranya yang tidak bertanggungjawab, yang tidak bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Kalau boleh saya berharap contohkanlah sebagai swasta, bank-bank dan sebagainya. Saya biasa tengok di bank-bank baikpun Malayan Banking, Bank Bumiputra dan sebagainya, bila kita masuk dalam pejabat boleh dikatakan tiap-tiap meja ada sahaja kerjanya tetapi ada dalam pejabat-pejabat Kerajaan walaupun kita tetapkan mesti datang pukul 8.00 pagi dan jangan lewat daripada pukul 4.00 petang balik tetapi kalau dia datang 7.30 pagi balik 4.30 petang pun, kalau dia baca suratkhobar, dia termenung agak saya tidak begitu berkesan juga. Biarlah penuhkan apa yang saya katakan tadi tetapi setahu saya banyakkah yang penuh tanggungjawab di samping seorang dua itu saya berharap seperti kata pepatah: Jangan kerana nila setitik merosakkan susu sebelanga, kerana segala rancangan tidak akan berjaya melainkan dengan pelaksanaan daripada pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga saya berharap dan bersetuju sangat-sangat sebagaimana dikatakan oleh wakil dari Tumpat tadi persamaan cuti umum patut disamakan. Saya lihat dalam TV semalam tetapi dukacita tidak dapat mengikut dengan penuh disebabkan sesuatu keadaan, syukurlah hari ini saya ikuti dalam akhbar saya lihat dalam Utusan Melayu, cadangan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita supaya diselaraskan masa pejabat, kalau tidak silap saya, di antara Semenanjung Malaysia dengan Malaysia Timur, waktu Sabah dan Sarawak, sebagaimana kita tahu

hari ini waktu TV menunjukkan pukul 8.00 waktu Malaysia dan 8.30 waktu Sabah dan Sarawak, bererti beza setengah jam. Sekarang ada cadangan daripada Ketua Kerajaan kita akan menyelaraskan. Ini menunjukkan kalau tidak diselaraskan itu tidak mendatangkan kebaikan, ada perkara-perkara yang rumit.

Saya berpendapat sebagaimana kata wakil dari Tumpat tadi patut juga kita selaraskan cuti ini biarlah seluruh Malaysia ini kita pakai sekali dan ini, saya ulang sekali lagi, kalau hendak rugi di segi perniagaan kepada dunia luar. Memang dunia ini tidak sama walaupun kita tahu kita lihat di sini sedangkan kita tahu Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia ada perbezaan setengah jam apatah lagi dengan negeri luar seperti Arab, England di mana negeri sekalipun ada seperti Jepun kalau tidak silap setahu kita lebih awal daripada kita . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang lebih awal?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Negeri Jepun. Jadi begitulah seluruh dunia ini tidak sama malam dan tidak sama siang. Kalau hendak berpandu kepada ini rugi di segi perniagaan. Sebab dunia lain cuti hari Ahad kita hendak cuti hari Jumaat. Ini tidak menasabah. Memang ada perbezaan itu jadi, saya berharap sangat-sangat patutlah kalau di segi jam Malaysia Timur dan Malaysia Barat akan diselaras dan di samping itu juga saya merayu kepada Perdana Menteri menyelaraskan juga cuti umum ini dan saya menyokong wakil dari Tumpat tadi cuti pada hari Jumaat kerana banyak untung kerana hari itu hari Jumaat kalau bekerja pun rugi dari segi kerja. Terpaksa pukul 12.00 sudah hendak keluar, 2.30 petang masuk tidak macam hari biasa. Nasib baik yang keluar itu sembahyang Jumaat tetapi manusia kita ada yang tidak sembahyangpun mengambil kesempatan, tetapi itu hak dia, saya tidak melarang. Ini keadaan yang patut kita jaga. Jadi saya harap dan saya merayu sangat-sangatlah kepada Kerajaan yang memerintah hari ini sebagaimana saya katakan tadi sebagai dia hendak menyelaraskan masa waktu tadi tolonglah menyelaraskan perkara ini sama.

Di samping itu juga saya harap sangat-sangat Kerajaan kita ini biarlah kita cakap terus terang walaupun biasa dicakapkan oleh Menteri Tak Berpotfolio mengatakan kita akan menyelaraskan, kadang-kadang tahun lalu sudahpun beliau kata hendak selaras tentang cuti hari raya. Kalau Hari Raya Aidil Adha dapat kita samakan dengan mengikut pengumuman Wukuf, saya berpendapat Hari Raya Aidil Fitri pun patutlah kita cari jalan menyamakan, apatah lagi negeri yang saya percaya hari ini yang berhampiran, misalnya, di Johor begitu juga yang bersempadan dengan Thailand, baik tahun 1980 begitu juga 1979 termasuk tahun 1981 setahu saya sudah tiga tahun berturut-turut negeri yang berjiran dengan kita negeri ASEAN yang dekat dengan kita semuanya merayakan Hari Raya Aidil Fitri ada yang setengah itu terdahulu daripada sehari, itu sudah tetap, ada yang setengahnya sampai dua hari dahulu daripada kita. Yang sedihnya kadang-kadang persamaan berlaku di antara negeri yang jiran di sebelah Selatan Malaysia bersama dengan negeri yang jiran di sebelah utara Malaysia iaitu Thailand dengan Singapura sedangkan kita yang-tengah ini beraya seorang-seorang berlainan hari. Dengan sebab itu berlakulah, Tuan Yang di-Pertua, balik anak bekerja daripada Johor, yang dia sendiri daripada Pejabat Agama yang saya tidak payah sebut nama, saya kata apa sebab anta beraya dahulu? Minta maaf, saya guna 'anta' setakat saya bercakap bab agama, dia kata, ana tidak raya, ana ikut Majlis Agama, ana ikut Persekutuan tetapi ana apa daya dia sudah lihat keadaan tempat dia duduk, memang menasabah. Beginilah berlaku tiap-tiap tahun. Saya harap sangat-sangat perkara ini patut diselaraskan dengan seboleh-bolehnya. Jadi, saya harap supaya jangan jadi pada tahun akan datang akan berlaku pula perkara semacam ini. Itu di pandang umum.

Kedua di segi masyarakat kampung mereka itu miskin, setengah itu ada yang berada tetapi kebanyakan masyarakat di situ pendapatannya rendah. Namun begitu telah menjadi tabiat kepada manusia di hari kebesaran dia akan meraya, dia akan buat setakat yang boleh, baik disegi pakaian apatah lagi di segi makanan. Kalau hari raya itu tidak tetap boleh jadi akan berlaku pada

hari Rabu, akan berlaku pada hari Khamis begitulah berlakunya setiap ketika hamba Allah ini serba salah, kalau tidak beli daging jangan-jangan besoknya tidak ada. Misalnya, kalau diura-ura raya boleh jadi hari Khamis, hari Rabu dia sebelih lembu, dia beli sekali, takdirnya pada esoknya tidak jadi raya, dia hendak beli pula kewangannya sudah kurang. Ini yang berlaku kepada masyarakat kampung. Jadi saya haraplah sangat-sangat di segi cara kemasyarakatan, di segi cara perpaduan maka saya haraplah kalau Hari Raya Aidil Adha dicari jalan menyelesaikan dan jiran-jiran kita, ada ASEAN dan sebagainya, begitu juga di segi kita mengambil pedoman daripada Mekah seperti saya katakan tadi, maka saya harap dan merayu pada tahun 1981 menjadi tahun penghabisan tidak tetap cara hari raya yang akan membawa perbalahan kepada masyarakat, maka menjelang tahun baru Hijrah yang jatuh pada esok 1402, menjelang tahun Hijrah yang baru pada esok, saya harap menjelang tahun baru tahun Hijrah akan menjadi apa yang saya katakan tadi tidak akan berlaku lagi. Itulah harapan saya kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit saya di segi untuk menarik masyarakat kampung di segi perpaduan dan sebagainya sebagaimana saya selalu mengatakan Kerajaan kita hari ini telah membangun kedua-dua sekali baik pun di segi pembangunan kerohanian seperti masjid dan sebagainya begitu juga dari segi pembangunan sekolah, jalan dan berbagai-bagai lagi.

Saya berharap walaupun masjid adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri tetapi membiayai, memberi peruntukan untuk melaksanakan masjid boleh dikatakan 99% semuanya adalah hak Kerajaan Pusat melalui Jabatan Perdana Menteri dan Luar Bandar. Kalau kita sanggup memberi, saya yakin pihak-pihak pejabat Agama sanggup mengikut kita setengah daripada setengah. Saya berharap sangat dua perkara, satu seboleh-bolehnya saya tidak katalah saya warak tidak warak, ini adalah kewajipan sebagai seorang Islam, saya amat bangga kerana kebanyakan masjid khususnya di Perak selalu saya lalu, ditulis terpampang "Sembahyanglah anda sebelum anda

disembahyangkan". Tetapi malangnya dia kata "Sembahyanglah anda sebelum anda disembahyangkan". yang saya kata malang, kalaulah masuk waktu seorang hamba Allah hendak sembahyang hendak masuk dalam masjid tidak boleh kerana dikunci tetapi ditulis di luar "Sembahyanglah anda sebelum anda disembahyangkan", hendak sembahyang macam mana masjid pun ditutup, ini yang peliknya, kata-kata ditulis dengan cantik tetapi bila hendak tumpang sembahyang tidak boleh. Jadi, saya haraplah kalau boleh seluruh masjid yang dibangunkan oleh Kerajaan khususnya yang di tepi-tepi jalan patutlah dibuka selalu.

Kalau kita sanggup memberi peruntukan beratus-ratus ribu ringgit, patutlah juga kita beri peruntukan melalui JPM setakat ala kadar untuk menjaga masjid-masjid itu supaya bersih kerana kebersihan ini selain menjaga kesihatan kalau tidak silap saya dengar tok guru berkata kebersihan ini setengah daripada iman, jadi kesihatan pun dapat, cara keimanan pun dapat. Janganlah ada setengah-setengah kolah tempat ambil air sembahyang bila kita tempuh tangan baunya kurang baik. Jadi semacam saya katakan tadi buka semua masjid dan kebersihannya patut dijaga dan saya berharap khutbah-khutbah juga boleh menarik orang dari segi kebaikan umum. Begitu juga bukan dari segi agama malahan juga dari segi ekonomi, misalnya, Amanah Saham Nasional dan dari segi yang lain dapat dimuatkan di dalam khutbah dan saya percaya banyak, Tuan Yang di-Pertua, di dalam khutbah-khutbah masjid yang menarik ke jalan kebaikan misalnya cara menarik orang pergi ke Mekah menunaikan fardu haji dengan lebih mudah walaupun tua dan muda tidak kira umur sampai masanya mati, tetapi nampaknya pada tahun ini pelik sedikit berlaku keadaan tempat orang kita pergi ke Mekah. Jadi, saya harap banyak juga di dalam khutbah dimuat apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya bercakap juga berkenaan dengan Tabung Haji. Saya bersyukur kepada Tuhan kerana Tabung Haji telah membawa kebaikan kepada kita sebagaimana kata Wakil Rakyat dari Padang Rengas kelmarin, Yang Berhormat Tuan Haji Umar bin Haji Ismail,

yang tahun ini dia pergi menunaikan fardu haji, dia memuji Tabung Haji kerana dia kata Kerajaan Arab Saudi iaitu tempat kita mengambil haji memuji kita kerana kita memberi segala layanan di samping bayaran yang baik. Saya ucapkan terima kasih. Dia puji kerana kita menjadi pembayar yang baik kepada pemerintah di Arab Saudi tetapi setakat yang saya tahu, Tuan Yang di-Pertua, ada perkara-perkara yang saya dukacita dan sedih mendengar, kadang-kadang kita ini yang susah barangkali ada setengah di antara kita memang pergi ke hospital. Ada orang kampung kata hospital ini layanannya tidak baik, kepada kita barangkali Wakil-wakil Rakyat macam kita layanannya cukup baik, keadaan orang itu juga menjadi perbandingan. Jadi saya mendapat tahu apa yang berlaku di sini, satu biasanya tidak sepatutnya bakal-bakal haji itu sampai masa hendak balik lagi telah dikehendaki oleh Sheikh-sheikh Haji mesti tunggu di lapangan terbang hingga hari-hari. Ini saya dengar daripada Jemaah Haji yang umum bukan jemaah haji golongan atasan yang saya katakan tadi. Jemaah Haji umum menyatakan kami biasa dikehendaki menunggu di lapangan terbang sehingga sehari-hari walaupun jadual penerbangan masih agak lama lagi. Itu yang saya dapat tahu.

Yang kedua, saya berharap sangat-sangat kalau boleh walaupun boleh dari segi ugama, dam, denda dan sebagainya kalau boleh kita mengikut sunnah yang tulen walaupun teruk sedikit dan keuntungan dari segi ekonomipun ada tidak payah kita hendak bayar dam, denda dan sebagainya. Saya percaya kadang-kadang keadaan haji kita tahun ini kerana terlampau banyak membayar dam ada Wakil Rakyat yang tidak payah saya sebut nama di sini walaupun pada hari ini saya teringat dia sendiri telah menjadi penjamin yang kena memberi pinjam 300 rial kalau tidak silap, itu pun tidak cukup kerana membayar dam dan lain-lain yang terlampau tinggi. Jadi kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, kita carilah jalan penyelesaian yang agaknya jangan memberi keuntungan yang banyak kepada Sheikh-sheikh yang saya katakan tadi biarlah denda itu teruk mengikut syarat sejati, di samping itu kewangan dapat dijimat

daripada perbelanjaan yang banyak seperti saya katakan tadi.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini ajal maut di tangan Tuhan. Saya amat sedih saya perhatikan dua keadaan apa yang dikatakan harus betul iaitu keadaan kesihatan tidak begitu terjamin. Biasa orang yang pergi tahun yang sudah sampai tulang-tulang ataupun apa yang dimakan sampai tahun ini tidak dicuci. Pendek kata kebersihan amat teruk. Agak saya, salah satu yang kita ini mudah mendapat penyakit ialah kerana tidak ada kebersihan. Banyak orang-orang yang balik daripada Mekah, keadaannya letih. Tempat saya . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat persoalkan kesihatan dalam negeri bukan di negeri orang. Belanjawan ini untuk Malaysia, jadi tak usahlah bincangkan hal kesihatan di luar daripada negara Malaysia.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini maksud saya untuk minta Tabung Haji mengambil perhatian atas apa yang saya katakan tadi. Itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya berharap Tabung Haji memainkan peranan ini.

Yang satu lagi, saya haraplah kepada Tabung Haji ini walaupun kebaikan itu banyak di samping itu untuk memperbaiki lagi janganlah semata-mata Tabung Haji mencari keuntungan sangat. Di samping itu supaya sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun Tabung Haji hendak mencari keuntungan tetapi biarlah sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru. Setahu saya ini bangunan Tabung Haji tiap-tiap tahun menaikkan sewanya, walaupun yang hendak berniaga itu adalah orang bumiputera atau Melayu tulen. Yang kedua, kalau boleh saya berharap biarlah ini bukanlah saya hendak mengundur zaman ke belakang, tetapi agak sesuai dua perkara. Satu, kalau boleh diadakan balik kapal laut semacam mana sebelum diadakan kapal terbang seperti yang ada hari ini, kerana dengan adanya kapal laut, kita akan dapati dua keuntungan. Satu, agak saya perbelanjaan terlebih murah. Yang kedua di samping hendak pergi ke Mekah bagi orang yang agak kelapangan dia ada dua untungnya naik kapal laut, iaitu satu,

tambangnya murah. Dan yang penting sekali dapat belajar kerana sebelum ada perkhidmatan kapal terbang, seorang guru ditempatkan di atas kapal, jadi sebelum dia hendak sampai ke Mekah kebanyakan ini sudah tahulah cara mengerjakan haji dan sebagainya. Di samping itu, perpaduan sesama mereka amat erat, juga yang saya kata tadi penting, kerana harganya murah dan kalau boleh di samping itu juga tambang kapal terbang haji ini patutlah dikaji.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, ke Mekah pun tidak pergi lagi, isnya Allah kalau diizinkan Tuhan tahun depan. Tetapi setahu saya Mekah itu dekat daripada London. London pun saya pergi sekali menziarah Dato' Jaafar pada tahun sudah. Saya tidak pernah pergi, tetapi biar saya cakap, saya tanya mana jauh London dengan Mekah, mereka berkata Mekah 7-8 jam penerbangan, sedangkan London kena 17 jam. Jadi jawabnya, memandangkan kepada lama perjalanan agak saya, yang lama itulah jauh. Tetapi tambang yang dikena berlipat kali ganda yang ekonominya sudahlah \$1,500 pergi balik ada satu ketika, yang biasanya \$2,500. Tetapi ada kawan saya kata dia akan pergi ke Sweden atau mana lebih murah tambang daripada pergi ke Mekah kata dia walhal duduknya lebih jauh daripada Mekah. Sedangkan kebanyakan yang hendak naik haji ini, biar kita cakap terus terang —kebanyakan orang yang hendak pergi naik haji ini orang Islam, apa bangsa pun Islamlah yang hendak pergi ke Mekah. Kebanyakan orang-orang Islam kita di Malaysia yang hendak pergi ke Mekah ialah orang-orang Melayu. Jadi kalau kepada hamba Allah yang berpendapatan rendah ini kita kenakan tambang begitu tinggi sedangkan belanja makan angin sana sini lebih murah, jadi saya haraplah Tabung Haji berundinglah dengan MAS untuk menyesuaikan dengan keadaan yang saya katakan tadi. Ini saya harap sangat-sangat di samping Tabung Haji seperti khutbah yang

dibuat oleh Majlis Agama menggalakkan orang pergi ke Mekah waktu umur lebih muda lebih baik, kerana kalau tua masalahnya amat banyak sangat. Tetapi, mengikut tabiat Melayu Islam kita ini tiap-tiap seorang yang hendak pergi haji tetapi oleh sebab kekurangan kewangan ataupun nanti dulu, jadi saya berharaplah kalau boleh Tabung Haji cari penyelesaian sebagaimana saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu saya juga berharap sangat-sangatlah penjagaan yang sungguh-sungguh oleh pihak Tabung Haji ini akan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan.

Bercakap saya berkenaan dengan pilihanraya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah pilihanraya ini bila hendak diadakan. Biarlah saya cakap terus terang walaupun saya seorang penyokong Kerajaan tidak ada perkara yang saya takut pada hari penamaan calon melainkan kertas penamaan calon. Saya takut sungguh-sungguh kerana pada pendapat saya walaupun Kerajaan itu Kerajaan yang saya bersama ada, saya fikir tidak menasabah. Dalam periksa sekalipun kalau hendak dapat A kalau dia silap setakat 10 markah atau 5 markah dia kira A. Dia tidak tolak, kata awak tidak lulus. Ini kerana kadang-kadang silap dua perkataan masuk calon kira kalah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup. Yang Berhormat tidak hendak bercakap lagi?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya hendak bercakap lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh sambung lagi. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Jumaat, 30hb Oktober, 1981.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*